



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5685]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Kelima)—

Jadual—

Kepala B. 15 [Ruangan 5710]

Kepala B. 16, B. 17, B. 18, B. 19, B. 20 dan B. 21 [Ruangan 5720]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Kelima)—

Kepala P. 15 [Ruangan 5710]

Kepala P. 16, P. 18, P. 19 dan P. 20 [Ruangan 5720]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor), (Sri Gading).

„ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ **Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

„ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).**

„ **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).**

„ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

„ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

„ **Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).**

„ **Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).**

„ **Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).**

„ **Menteri Kebajikan Am, DATUK HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).**

„ **Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

„ **Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).**

„ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).**

„ **Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**

„ **Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).**

„ **Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).**

„ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).**
- „ **Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).**
- „ **Menteri Tak Berfotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ **Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- „ **Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**
- „ **Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).**
- „ **Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
- „ **Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).**
- „ **Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).**
- „ **Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).**
- „ **Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).**
- „ **Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).**
- „ **Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHOO SEONG (Taiping).**
- „ **Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).**
- „ **Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).**
- „ **Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).**
- „ **Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).**
- „ **Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).**
- „ **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).**
- „ **Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).**

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

Yang Berbormat TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

- .. DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- .. TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- .. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- .. TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- .. TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- .. TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- .. TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- .. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- .. TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- .. DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- .. DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. TUAN LOH FOK YEN (Kluang).
- .. TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- .. TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- .. DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- .. TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- .. DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- .. TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- .. TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGlima ABDULLAH (Silam).
- .. TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.L.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).

- Yang Berhormat DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAID BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Betuas).
- „ PENGIRAN TAIIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmudi bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 19hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

HUBUNGAN MALAYSIA/BURMA

1. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan lawatan beliau ke Negeri Burma baru-baru ini untuk mengukuhkan perhubungan rapat dengan negara itu apakah kemajuan yang telah dicapai di dalam bidang kerjasama ekonomi dan pertukaran pegawai-pegawai seperti doktor dan jurutera.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita menyatakan bahawa bagi pihak lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negeri Burma baru-baru ini telah dapat mengukuhkan lagi perhubungan rapat di antara Malaysia dengan negara itu. Beberapa kemajuan untuk kemajuan bersama telah dicapai dan di antaranya adalah seperti berikut:

- (a) Burma hendak membeli minyak sawit dan minyak kelapa dari Malaysia di atas dasar Kerajaan dengan Kerajaan (Government-to-Government). Perkara ini sedang dikaji oleh kedua-dua pihak;
- (b) Kedua-dua buah negara telah juga menandatangani perjanjian perkhidmatan udara pada bulan Ogos tahun ini;
- (c) Setakat ini Malaysia telah berjaya mendapatkan sejumlah 25 orang pegawai dari Burma mengisi jawatan-jawatan penting yang sukar dipenuhi oleh warganegara Malaysia seperti jawatan-jawatan Pegawai Per-

ubatan, Jurutera Awam dan Pegawai Laut.

Kerajaan kita juga telah memohon untuk mendapatkan beberapa orang Pakar Perubatan lagi dari Burma dan perkara ini masih dalam pertimbangan Kerajaan Burma. Sebaliknya pula, Kerajaan Burma akan mendapat faedah-faedah seperti berikut:

- (a) Satu rombongan Jurutera Kilang Kayu dari Burma akan membuat lawatan ke negara kita untuk mempelajari perusahaan bahan kayu;
- (b) Pegawai-pegawai Kerajaan Burma tidak lama lagi akan diterima mengikuti kursus agro-based development di INTAN; dan
- (c) Di bawah Rancangan Colombo Malaysia telah memberi kesempatan kepada Burma menghantarkan pegawai-pegawai serta penuntut-penuntutnya menjalani kursus urusan hotel di I.T.M. (Institut Teknologi MARA), latihan kastam dan juga latihan di dalam teknologi kelapa sawit. Di bidang kebudayaan satu rombongan wayang kulit dari Malaysia telah juga membuat lawatan ke Burma.

Saya yakin hubungan dua hala yang wujud sekarang ini akan dapat mengukuhkan lagi hubungan-hubungan yang telah memang baik di antara Malaysia dengan Burma.

JAWATAN TINGKATAN TERTINGGI NEGERI PERLIS

2. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa pegawai-pegawai Kerajaan yang bertugas di Negeri Perlis sekarang ini semuanya berjawatan di Tingkatan-biasa. Tidakkah Kerajaan bercadang dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga untuk mengadakan Taraf Perjawatan bagi pegawai-pegawai

Kerajaan Negeri Perlis kepada Tingkatan-tertinggi supaya dapat melahirkan kecekapan pentadbiran rancangan tersebut.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak berapa tepat.

Pada masa ini ada 4 jawatan Ketua Pejabat bertaraf Tingkatan-tertinggi yang khas bagi Negeri Perlis sahaja iaitu:

- (i) Setiausaha Kerajaan Negeri;
- (ii) Pengarah Pelajaran Negeri;
- (iii) Pegawai Kewangan Negeri; dan
- (iv) Pengarah Tanah dan Galian Negeri.

Manakala 6 jawatan Tingkatan-tertinggi lagi ialah Ketua Pejabat Bersama bagi Negeri Kedah dan Negeri Perlis, iaitu:

- (i) Penasihat Undang-undang Negeri;
- (ii) Ketua Pegawai Polis;
- (iii) Pengarah Ukur Negeri;
- (iv) Pengarah Talikom Negeri;
- (v) Pengarah Hutan Negeri; dan
- (vi) Pengawal Pos Negeri.

Di sini suka saya memaklumkan bahawa bilangan jawatan dan grednya adalah ditetapkan mengikut keperluan dan juga berdasarkan kepada tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang dijalankan oleh lain-lain jawatan yang setaraf. Keperluan itu akan dikaji setiap masa iaitu tidak dihadkan kepada mana-mana tempoh Rancangan Pembangunan Lima Tahun sahaja.

DASAR KEWANGAN DAN BELANJAWAN

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan samada telah sampai masanya untuk Kerajaan mengadakan satu dasar pendapatan dan harga-harga kebangsaan (national incomes and prices policy) sebagai jalan untuk memperbaiki keadaan ekonomi tidak seimbang di antara orang-orang berada dan tidak berada, jika tidak, mengapa.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu dasar kewangan dan belanjawan yang ada sekarang ini sudah pun mengandungi unsur-unsur dasar harga dan pendapatan.

Dasar harga dan pendapatan Kebangsaan dalam mana Kerajaan menentukan kadar pertumbuhan pendapatan dan harga pada suatu jangka masa yang ditetapkan, selalunya diambil oleh Kerajaan untuk mengawal inflasi dan bukannya bertujuan untuk memperbaiki keadaan tidak seimbang di antara orang yang berada dengan yang tidak berada. Matlamat yang kedua ini dilaksanakan oleh Kerajaan melalui dasar pembangunan Kebangsaan seperti yang terdapat di dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun Kerajaan.

UNDANG-UNDANG KECIL RUMAH URUT

4. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar syarat-syarat Undang-undang Kecil Rumah Urut tidak sama di seluruh Negara;

- (a) jika sedar, adakah beliau bercadang hendak menyamakan syarat-syarat tersebut; dan
- (b) adakah beliau bercadang hendak menghapuskan Rumah-rumah Urut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya tidak sedar Undang-undang Kecil Rumah Urut tidak sama di seluruh negara dari segi prinsipnya. Perbezaan hanya terdapat dari bidang kadar bayaran lesen tahunan, cara jaminan, jenis-jenis yang boleh ditimbang untuk dilesenkan dan umur orang-orang yang boleh dibenarkan diberi khidmat urut. Oleh itu, Kementerian saya tidak ada cadangan hendak menghapuskan undang-undang kecil yang berkenaan;
- (b) Sebarang cadangan Kementerian saya hendak menghapuskan rumah-rumah urut terpulanglah kepada reaksi penduduk-penduduk Penguasa-penguasa Tempatan samada mereka merasa terganggu atau tercedera perasaannya. Hal ini adalah terletak kepada kekuasaan dan budi-bicara Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengemukakan sebarang cadangan yang boleh dirundingkan sebelum dibuat keputusan dasar bagi diikuti oleh semua negeri.

PEGAWAI PAKAR PERUBATAN

5. Wan Zainab binti M. A. Bakar (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa banyakkah anggaran perjawatan bagi pakar-pakar pegawai perubatan yang diperlukan oleh Kementerian dalam tahun 1980 dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk melatih dan menganjurkan peperiksaan-peperiksaan bagi pakar-pakar pegawai perubatan ini, supaya penggunaan sepenuhnya dari pakar-pakar ini akan diperolehi dalam tahun 1980.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dikemukakan itu iaitu anggaran perjawatan pakar Kementerian Kesihatan yang diperlukan menjelang tahun 1980 ialah 410 dalam semua bidang (ketika ini kita ada 245 pakar perubatan).

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk melatih pegawai-pegawai pakar adalah seperti berikut:

- (a) Menempatkan doktor-doktor yang ingin dan layak mengikuti kursus-kursus kepakaran, di hospital-hospital yang diakui oleh kolej-kolej yang berkenaan sebagai hospital-hospital latihan;
- (b) Menganjurkan dengan kerjasama kolej-kolej yang berkenaan, peperiksaan-peperiksaan itu diadakan di Kuala Lumpur. Di antara bidang-bidang kepakaran yang pegawai-pegawai perubatan boleh mengikuti ke semua atau sebahagian daripada peperiksaan-peperiksaan yang tersebut di Kuala Lumpur adalah seperti berikut:
 - (i) Member of the Royal College of Physicians;
 - (ii) Fellow of Royal College of Surgeons atau Fellow of Royal Australian College of Surgeons;
 - (iii) Member of Royal College of Obstetricians and Gynaecologists;
 - (iv) Fellow of Faculty of Anaesthesia of Royal Australian College of Surgeons.

Selain dari ini, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya menjalankan kursus-kursus lanjutan dalam bidang psychological medicine, public health dan pathology.

(c) Pegawai-pegawai yang layak boleh memohon biasiswa-biasiswa latihan yang ditawarkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa. Bagi pegawai-pegawai perubatan yang tidak ditawarkan biasiswa latihan, dan jika layak, boleh memohon cuti tanpa gaji untuk mengikuti kursus-kursus lanjutan itu.

PERDAGANGAN YANG DIEKSPOT

6. Tuan Oo Gin Sun (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah perdagangan yang diekspot ke Singapura dalam lima tahun yang lepas;
- (b) jumlah impot dari Republik tersebut dalam tahun-tahun tersebut;
- (c) bahan-bahan utama yang Malaysia ekspot ke Singapura;
- (d) bahan-bahan utama yang Singapura ekspot ke Malaysia;
- (e) bagaimanakah caranya ASEAN boleh memperbesarkan kerjasama perdagangan dan ekonomi yang lebih baik antara Malaysia dan Singapura.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah perdagangan yang diekspot di antara Singapura dan Malaysia ialah jumlah ekspot Malaysia ke Singapura dalam lima tahun yang lepas adalah seperti berikut:

1971	...	...	M\$1,271.1 juta
1972	...	...	M\$1,130.5 juta
1973	...	...	M\$1,707.0 juta
1974	...	...	M\$2,208.0 juta
1975	...	...	M\$1,873.9 juta

- (b) Impot Malaysia pula dari Republik tersebut adalah seperti berikut:

1971	...	...	M\$363.7 juta
1972	...	...	M\$364.9 juta
1973	...	...	M\$464.7 juta
1974	...	...	M\$820.2 juta
1975	...	...	M\$723.8 juta

- (c) Bahan-bahan utama yang diekspot oleh Malaysia ke Singapura ialah getah, petroleum kasar dan yang diproses, minyak kelapa sawit, kayu digergaji dan bijih timah.

- (d) Singapura tidak mengeksport bahan-bahan utama ke Malaysia kerana negara tersebut pada asasnya ialah sebuah negara "entrepot" dan tidak mengeluarkan apa-apa bahan utama. Pada keseluruhannya jumlah perdagangan di antara Malaysia dan Singapura telah berkembang pesat.
- (e) Untuk meluaskan lagi kerjasama perdagangan dan ekonomi di antara Malaysia dengan Singapura termasuk juga lain-lain negara ASEAN, langkah-langkah sedang diambil oleh negara-negara ASEAN untuk mengujudkan peraturan keistimewaan perdagangan (Preferential Trading Arrangement) serta mengadakan kerjasama di bidang perindustrian. Dengan adanya kerjasama tersebut bukan sahaja jumlah dagangan di antara Malaysia dan Singapura dapat ditingkatkan tetapi juga lebih banyak barang-barang keluaran sebenar kedua-dua negara dan juga negara-negara ASEAN dapat didagangkan di antara satu sama lain.

BAS MINI

7. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa kebanyakan Bas-bas Mini yang telah diberi Permit tidak mematuhi jalan-jalan yang sepatutnya dilalui oleh Bas-bas Mini tersebut; dan
- (b) jika sedar, apakah tindakan Kerajaan terhadap Bas-bas Mini yang tidak patuh kepada peraturan-peraturan tersebut.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sedar tentang berlakunya kesalahan-kesalahan yang dibuat oleh setengah-setengah pemandu bas mini di mana sekumpulan kecil mereka ini tidak mematuhi dengan sepenuhnya jalan-jalan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pelesenan, terutama sekali jalan-jalan di Ibu Kota. Ini telah berlaku pada masa kurang sebak di mana bilangan penumpang tidak begitu banyak.

- (b) Pihak R.I.M.V. dan Polis telah dan sedang melancarkan gerakan kuat-kuasa. Mana-mana pemandu yang didapati salah akan didenda akan digantung lesen pemandunya. Selain daripada itu, tindakan adalah diambil untuk mengarahkan bas-bas mini ini mempampangkan dalam bas peta jalan-jalan yang diikuti untuk panduan orang ramai. Sekiranya pemandu tidak mengikuti jalan-jalan seperti yang dipampangkan itu penumpang bas berkenaan bolehlah membuat aduan.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan iaitu berkenaan dengan bas mini yang disebutkan tadi pada ketika ini samada beliau sedar bas mini ini berlagak dalam bandaraya ataupun di mana-mana bandar seolah-olah seperti teksi; mana-mana hendak berhenti dia berhenti. Ini menyulitkan pemandu-pemandu yang mengikut di belakang. Tidakkah Kementerian ataupun Kerajaan mencadangkan supaya bas mini ini mempunyai tata-tertib ataupun tempat perhentian bersendirian supaya penumpang-penumpang boleh menunggu di sana tidak seperti pada ketika ini seperti teksi berhenti di mana-mana. Saya minta kepada pihak Menteri adakah pihak Kerajaan akan mengadakan satu undang-undang atau satu tempat perhentian khas untuk bas mini sahaja supaya mereka tidak melakukan perkara-perkara seperti yang saya sebutkan tadi.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar perkara ini dan perkara ini sedang dalam kajian Kementerian saya untuk mencari jalan bagaimana mengatasi masalah ini.

TANAH BEKAS LOMBONG DI SENTUL/SETAPAK

8. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) samada tanah bekas lombong kawasan Sentul-Setapak, yang pada ketika ini dipenuhi dengan semanggi bernama Kg. Sentul Bahagia, Kg. Pua Seberang dan Kg. Cubadak adakah kepunyaan pihak Kerajaan atau pihak swasta;

- (b) adakah benar kawasan bekas Lombong Sentul ini seluas 75 ekar akan diusahakan oleh pihak swasta untuk perumahan yang akan mengusir keluar penduduk-penduduk setinggan yang berada di atas tanah tersebut; dan
- (c) apakah rancangan pihak Dewan Bandaraya terhadap penduduk-penduduk setinggan yang berjumlah lebih daripada 3,000 orang yang menduduki tanah ini untuk masa hadapan mereka.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tanah bekas lombong kawasan Sentul Setapak yang pada ketika ini dipenuhi dengan setinggan bernama Kg. Sentul Bahagia, Kg. Puah Seberang dan Kg. Cubadak adalah seluas 174 ekar. Sebahagian daripada tanah tersebut adalah tanah Kerajaan dan selebihnya adalah tanah swasta.
- (b) Seluas 50 ekar tanah bekas lombong Sentul ini telahpun diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan pada 10-1-76 kepada sebuah syarikat swasta untuk rancangan perumahan. Mengenai pemberian tanah kepada syarikat swasta di kawasan ini syarat yang dikenakan ialah supaya syarikat tersebut terpaksa mengusir dan menempatkan setinggan-setinggan yang berada di situ sendiri.

Wakil-wakil syarikat gugusan telah memohon kepada Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan supaya Jabatan itu mengusir setinggan-setinggan ini tetapi Jabatan yang berkenaan menyatakan pihak syarikat itu-lah yang bertanggungjawab mengusir setinggan-setinggan tersebut. Syarat-syarat lain ialah peruntukan sebanyak 30% rumah kediaman dan kedai hendaklah dijual kepada Bumiputra sebagai menyahut seruan Dasar Ekonomi Baru.

- (c) Dewan Bandaraya adalah sedang merancang untuk melancarkan projek perumahan awam di tanah Kerajaan di kawasan bekas lombong ini. Adalah diharapkan setinggan-setinggan yang terlibat dengan projek Dewan Bandaraya ini akan dapat ditempatkan di rumah-rumah harga murah yang akan dibina kelak.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan:

- (1) Masalah kedudukan setinggan-setinggan iaitu kampung yang disebutkan tadi itu adalah kampung setinggan yang telah diduduki lebih daripada 15 dan 20 tahun dan penduduk-penduduk di sini telah lama memohon tanah tetapi tidak berjaya. Kemudian Yang Berhormat tadi menerangkan 50 ekar daripada tanah ini telahpun diberikan kepada suatu badan swasta. Pada hari ini keadaan orang-orang di sini telah gelisah. Adakah pihak Kementerian dapat mengadakan satu cap dasar supaya memberi jaminan iaitu setinggan-setinggan yang akan terlibat, tidak akan terkeluar ataupun diusir daripada kawasan tempat mereka tinggal sekarang iaitu dengan syarat pihak pemaju atau bahagian swasta ini akan menyediakan keadaan rumah yang sesuai dengan pendapatan mereka.
- (2) Apakah dasar Kerajaan untuk menjaga masa hadapan mereka ini.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, sampai setakat ini tidak terdapat satu dasar pilihan yang tertentu dalam soal pembahagian tanah-tanah kepada pihak swasta. Selain daripada itu terdapat juga syarat supaya pihak swasta mengambil 40% pekerja-pekerja Bumiputra sekiranya tanah tersebut dibangunkan untuk perusahaan. Tetapi saya sangat sukacita dapat cadangan yang baik daripada Ahli Yang Berhormat dari Setapak dan saya hendak mengemukakan satu cadangan kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan untuk pertimbangannya. Isi cadangan ini ialah, apabila Jawatankuasa Tanah Wilayah Persekutuan memberi tanah yang ada setinggan, mestilah ada syarat-syarat menjaga setinggan-setinggan itu. Isi cadangan ini ialah apabila Jawatankuasa ini memberi tanah yang ada setinggan kepada pihak swasta mereka mestilah mengadakan syarat-syarat bagi kepentingan setinggan-setinggan itu.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya lagi samada Kementerian ini sedar atau tidak iaitu di dalam Wilayah Persekutuan ini kedudukan tanah terlampau terhad. Tidakkah Kerajaan hendak bercadang supaya pada masa yang

akan atau gaitu aripada hari ini pembahagian tanah kepada pihak swasta ataupun kepada perseorangan lebih daripada suku ekar itu diberhentikan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain nampaknya. Yang Berhormat boleh jawab.

Dr Ling Liong Sik: Itu soalan lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya sudah kata, itu soalan lain. (*Ketawa*).

MENANGKAP IKAN CARA MODEN

9. **Tuan Lukman bin Abdul Kadir** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah kejayaan dalam usaha-usaha Kerajaan melatih nelayan-nelayan menangkap ikan khususnya mengenai menangkap ikan cara moden dan berapa banyakkah wang telah dibelanjakan sehingga ini. Serta menyatakan berapa ramai orang yang telah mengambil kursus.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, jumlah nelayan yang telah mengikuti latihan di Pusat-pusat Latihan Perikanan Laut di Seberang Takir, Kuala Trengganu dan Gelugor, Pulau Pinang dari tahun 1960 sehingga tahun 1975 ialah 2,300 dan menelan belanja sebanyak \$900,000. Latihan tersebut memakan masa 3 bulan. Selama ini daripada latihan ini maka seramai 1,655 orang nelayan lagi telah menerima kursus singkat selama beberapa hari sahaja yakni dari tahun 1972 sehingga sekarang. Kursus semacam ini menelan belanja \$84,700. Selepas mendapat latihan-latihan tersebut maka nelayan-nelayan dapat menangkap ikan secara moden atau lebih moden yakni dengan menggunakan bot-bot berinjin, pukat-pukat tunda dan lain-lain alat moden.

PENGEDAR DADAH

10. **Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Menteri Undang-undang menyatakan samada benar atau tidak pengedar-pengedar dadah di negara ini terdiri daripada orang-orang kenamaan dan bahawa penyalah dadah hanya dihukum di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sahaja sedangkan hukuman lebih berat tidak dikenakan.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar yang pengedar-pengedar dadah di negara ini terdiri daripada orang-orang kenamaan kerana tidak ada bukti dan tidak ada tangkapan mengenainya.

Saya berpendapat yang dikatakan orang kenamaan itu kerana semua orang ada nama, sebelum nama itu misalnya Yang Berhormat, Datuk-datuk, Tan Sri-Tan Sri, Yang Mulia-Yang Mulia, lagi apa pa gkat saya tidak tahulah, kalau difikirkan orang kenamaan. Kalau itu memang tidak ada pengedar dadah. Tetapi kalau seorang dua kakitangan Kerajaan seperti diumumkan dalam akhbar misalnya seorang bekas guru, seorang polis yang mengaji di London, itu ada. Saya tidak fikir pegawai itu orang kenamaan. Juga tidak benar kenyataan yang dinyatakan bahawa pesalah-pesalah dadah hanya dihukum di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri. Sungguhpun setakat ini belum ada penyeludup dan pengedar dadah yang dihukum mati tetapi hukuman penjara seumur hidup dan isebat ada. Sebagaimana kita tahu telah dijatuhkan di Perlis baru-baru ini. Bakinya lebih kurang ada 40 kes belum dapat dibicarakan lagi dan arahan telahpu dikeluarkan untuk dibicarakan lekas. Saya fikir dalam soalan ini Yang erhormat tersalah faham ada di antara pengedar-pengedar itu yang mana kita tidak ada cukup bukti hendak dibawa ke mahkamah untuk dituduh dan kalau dituduh pun tidak akan sabit kesalahannya. Tetapi ada bukti-bukti yang nyata dan kenyataan-kenyataan yang kita dapat daripada sulit dan mereka ini tidak berani ke depan menjadi saksi dan kita tahu yang mereka itu pengedar dadah maka ini ada kita hantarkan di Pulau Jerejak di bawah Emergency Ordinance, 1969 yang berjalan sekarang. Itu bukanlah di bawah ISA tetapi di bawah Emergency Ordinance kerana mereka ini merbahaya kepada keselamatan negara juga.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri yang berkenaan ada menerangkan iaitu tindakan pihak Kerajaan ada diambil seperti dikenakan hukuman penjara seumur hidup tetapi nampaknya keterangan beliau cuma di Perlis. Tangkapan banyak berlaku di Kuala Lumpur, kenapakah hukuman di Kuala Lumpur tidak dibuat

seperti yang berlaku di Perlis dan tempat-tempat lain, adakah kerana Magistrates ataupun pengadil-pengadil di Kuala Lumpur ini takut hendak menjatuhkan hukuman yang begitu berat.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, hukuman-hukuman kepada pengedar-pengedar dan penyimpan dadah ini ada berperingkat-peringkat, macam Polis ada peringkat Inspector, Sarjan, Kopral dan ke bawah. Begitu juga tentang hukuman kes-kes yang dibicarakan oleh Magistrate dan juga President of Sessions Court ialah di bawah Seksyen 39A yang mana seseorang itu membawa dadah lebih daripada 3 gram boleh dihukum tidak kurang daripada 3 tahun dan disebat tidak kurang daripada 3 rotan, dan hukuman yang kurang daripada itu, ada juga penagih-penagih yang dihantar ke tempat rawatan sahaja, tetapi ada 45 kes dan kalau tidak salah ada 7 atau 8 kes di Kuala Lumpur ini yang membawa hukuman mati iaitu di bawah Seksyen 39B atau dijel seumur hidup, tetapi belum dibicarakan lagi. Saya hendak menerangkan di sini kesalahan senjapati oleh sebab sebagaimana saya telah berkata banyak kali, kes-kes jenayah di negeri kita ini telah bertambah banyak, bertimbun-timbun dan pihak Hakim pun kerjanya sangat bertambah. Kita mengambil langkah untuk menambahkan bilangan Hakim tidak berapa lama lagi dan arahan pun telah dikeluarkan supaya dilekaskan perbicaraan kes jenayah yang membawa kepada hukuman mati ini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang ramai puas hati kerana masing-masing selalu membangkitkan perkara ini mengapa lambat. Saya hendak terangkan di sini kes yang boleh dibawa di-hukum mati itu banyak tetapi belum dibicarakan lagi, bukan kerana takut. Saya fikir jelaslah keterangan saya ini.

SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA RAKYAT

11. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau bercadang hendak menambah bantuan kepada Sekolah-sekolah Ugama Rakyat. Jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, ya, Kementerian Pelajaran akan melipatgandakan bantuannya kepada Sekolah-sekolah

Ugama Rakyat mulai tahun 1977 seperti berikut:

- (i) Bantuan di peringkat Rendah akan dinaikkan daripada \$10 kepada \$20 untuk seorang murid setahun;
- (ii) Bantuan di peringkat Menengah Rendah akan dinaikkan daripada \$14 kepada \$30 untuk seorang murid setahun;
- (iii) Bantuan di peringkat Menengah Atas akan dinaikkan daripada \$20 kepada \$40 untuk seorang murid setahun.

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk Sekolah-sekolah Ugama Islam Rakyat bagi tahun 1977 ialah \$1,950,000.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan kelayakan sekolah ugama untuk mendapatkan bantuan tersebut?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya semua sekolah-sekolah yang telah diterima atau telah membuat permohonan kepada Kementerian Pelajaran, kita mematuhi akan permohonan itu.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Masalah bantuan kepada Sekolah Ugama Rakyat, adakah Kementerian sedar iaitu masalah bantuan yang diberi kepada jenis murid-murid iaitu kalau tidak silap saya bantuan yang diberi yang akan ditambah ini ialah kepada murid-murid yang tidak pergi ke sekolah lain, kecuali sekolah ugama sahaja. Soalan ini bertujuan ialah kedudukan sekolah rakyat iaitu anak-anak orang-orang Islam yang pagi sekolah seperti biasa, petang memasuki sekolah ugama, inilah sekolah rakyat yang ditujukan. Adakah bantuan ini ditujukan kepada sekolah yang saya sebutkan ini? Saya hendak meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya ketahui, ini ialah untuk Sekolah-sekolah Ugama Rakyat, jadi semua Sekolah-sekolah Ugama Rakyat adalah layak.

PADANG PERMAINAN DI KAMPUNG BARU

12. Tuan Oo Gin Sun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada beliau sedar betapa perlunya sebuah padang permainan di Kampung Baru Padang Serai untuk kegunaan permainan dan riadzah kanak-kanak dan penduduk dewasa setempat. Jika ya, bilakah hendak dibuat. Jika belum, bila hendak dikaji dan dilaksanakan.

Tambahan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa padang permainan dalam satu-satu kawasan perkampungan itu adalah baik guna menggalakkan kegiatan jasmani bagi penduduk-penduduk kawasan itu.

Namun demikian dalam menimbangkan keperluan kampung-kampung di seluruh Semenanjung Malaysia ini, keutamaan lazimnya diberi untuk projek-projek di kampung-kampung yang mengalami masalah kemiskinan dan yang tiada atau kurang kemudahan asas. Setakat ini Kementerian saya tidak ada cadangan untuk membina sebuah padang permainan di Kampung Baru Padang Serai.

Kajian-kajian mengenai keperluan infrastruktur serta kemudahan-kemudahan lain di kampung-kampung baru adalah sentiasa dibuat oleh Kementerian ini dari masa ke semasa dan jika keperluan kepada satu-satu kemudahan itu sangat-sangat memuncak dipandang dari sudut sensitivity dan keselamatan serta diakui sahnya oleh pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan pihak berkuasa Daerah berkenaan, maka hal itu bolehlah dipertimbangkan.

GURU-GURU LEPASAN MAKTAB PERGURUAN

13. Tuan Haji Zakaria bin Ismail (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Guru-guru Lulusan Maktab Perguruan dari Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Sabah atau Sarawak mendapat tambahan gaji atau sebaliknya. Apakah benar bahawa guru-guru itu akan mendapat kerugian manakala balik berkhidmat ke Semenanjung setelah bekerja di sana selama 5 tahun. Nyatakan hal ini

dengan jelas bagi menghilangkan keraguan setengah-setengah guru yang terpaksa berkhidmat di Sabah dan Sarawak.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, guru-guru Lulusan Maktab Perguruan dari Semenanjung Malaysia yang erikat dengan perjanjian untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak tidak mendapat tambahan gaji tetapi dibayar Elaun Wilayah (Regional Allowance). Elaun Wilayah yang dibayar adalah mengikut kadar berikut:

- | | |
|---|----------------------------|
| (i) Gaji melebihi \$200 hingga \$400 sebulan | 22.5% daripada gaji bersih |
| (ii) Gaji melebihi \$400 hingga \$800 sebulan | 20% daripada gaji bersih |

Bagi guru-guru yang berkhidmat di Sarawak mereka tidak mengalami sebarang kerugian apabila mereka balik berkhidmat ke Semenanjung Malaysia kelak.

Begitu juga bagi guru-guru yang berkhidmat di Sabah mulai tahun 1976. Walau bagaimanapun guru-guru yang berkhidmat di Sabah sebelum 1976, mereka adalah dilantik sebagai guru-guru kontrak sahaja. Oleh yang demikian apabila mereka kembali berkhidmat di Semenanjung Malaysia, mereka dikehendaki memohon memasuki Perkhidmatan Pelajaran Semenanjung Malaysia Memandangkan status mereka sebagai guru kontrak di Sabah, perkhidmatan mereka di Sabah tidak dapat dianggap bersambung apabila mereka dilantik ke dalam Perkhidmatan Pelajaran Semenanjung Malaysia. Dari segi gaji, guru-guru tersebut mungkin mengalami sedikit kerugian oleh kerana gaji permulaan mereka dalam lantikan baru ini di Semenanjung Malaysia adalah berasaskan kepada jumlah tahun pengalaman mengajar di Sabah dan bukan mengikut gaji terakhir yang mereka terima di Sabah.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini pernah berunding dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk menyelesaikan kedudukan guru-guru kontrak itu supaya mereka tidak mengalami kerugian tersebut. Kerajaan Negeri Sabah telah bersetuju bahawa guru-guru yang berkhidmat di Sabah mulai 1-1-76 tidak lagi dilantik sebagai guru kontrak dan dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Sabah. Dengan ini mereka tidak akan mengalami kerugian apabila balik berkhidmat ke Semenanjung Malaysia kelak.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan mengapakah guru-guru yang berkhidmat di Sabah, apabila balik ke Semenanjung Malaysia mesti pula memohon kepada Perkhidmatan Pelajaran di Semenanjung Malaysia. Bukankah mereka ini menerima latihan perguruan yang sama dan tentulah mereka boleh dilantik ke perkhidmatan tersebut.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab di dalam jawapan saya tadi, bahawa status mereka ialah status kontrek (guru kontrek). Jadi semasa mereka belum berkhidmat di Sabah, mereka telah membuat perjanjian dengan Kerajaan Negeri Sabah tidak dengan Kementerian Pelajaran di masa itu. Status mereka sebagai guru kontrek dan apabila mereka dapat diresap atau absorb balik di dalam Perkhidmatan Pelajaran Kebangsaan, mereka kenalah membuat permohonan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, oleh kerana tiap-tiap guru yang diambil itu mestilah ditemuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Dan apabila mereka balik ke sini, mereka dikehendaki membuat permohonan sekali lagi untuk menjadi guru tetap.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tuan Yang di-Pertua, dalam penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi guru-guru yang bekerja di Sabah sebelum tahun 1976 apabila kembali ke Malaysia tidak akan di-kira perkhidmatan mereka sebab mereka bekerja atas dasar kontrek. Setahu kita guru-guru yang pergi sebelum tahun 1976 bolehlah kita anggap sebagai perintis, orang yang mula-mula pergi ke Sabah dan sanggup berkorban. Tidakkah Kementerian Pelajaran bercadang hendak menimbangkan supaya apabila mereka kembali dikirakan juga perkhidmatan mereka semasa di dalam kontrek?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu Kementerian Pelajaran melalui Pengarah Pelajaran Sabah telahpun memohon kepada Kerajaan Sabah pada bulan Disember, 1975 supaya guru-guru yang dilantik sebelum tahun 1976 sebagai guru kontrek itu diberi pilihan untuk memasuki perkhidmatan pelajaran Sabah kerana dengan itu mereka dapat diperakukan pertukaran tetap apabila kembali ke Malaysia.

Hingga masa ini jawapan belum lagi diterima tetapi kita pun ada mengambil tindakan supaya guru-guru seperti itu boleh diabsorbkan semula sebagai guru yang tetap.

KAMPUNG BARU—PEMBERIAN TANAH

14. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan adakah beliau sedar bahawa kawasan kampung-kampung baru di dalam Negeri Perak belum lagi diperluaskan untuk mengatasi bertambahnya penduduk-penduduk dan sebagainya yang diketahui banyak rumah-rumah haram telah diruntuh. Jika sedar, adakah beliau bercadang mengarah Kerajaan Negeri Perak mengatasi masalah pemberian tanah kepada penduduk-penduduk kampung yang tidak mempunyai tanah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa oleh sebab tanah yang sesuai berhampiran kampung-kampung baru adalah sukar didapati dan jika adapun amatlah terhad, maka pendekatan (approach) Kerajaan Negeri Perak mengatasi masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah menerusi memberi tanah sebagai tapak-tapak perumahan di tempat-tempat yang tertentu dan menambahkan projek-projek perumahan, terutama perumahan awam kos rendah. Oleh sebab keterangan ini telah diberi oleh Kerajaan Negeri tersebut dan perkara tanah adalah dibawah tanggungjawab pihak Kerajaan Negeri seperti termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan, maka perkara memberi arahan kepada Kerajaan Negeri Perak tidaklah berbangkit.

MENTERI REKOMEN PELAJAR KE UNIVERSITI

15. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar atau tidak setiap orang Menteri boleh merekomenkan di antara dua hingga tiga orang pelajar memasuki ke universiti-universiti di negara kita; jika ya, mengapa amalan ini dibenarkan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar.

AKTA PENYELARASAN PER- INDUSTRIAN

16. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah benar bahawa Akta Penyelarasan Perusahaan menyekat kemajuan dalam bidang pelaburan asing dan penanaman modal tempatan dan jika tidak, kenapa hal ini dihebohkan dengan luasnya. Adakah benar Kerajaan akan meminda Akta ini supaya sesuai dengan kehendak pihak pelabur-pelabur itu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Akta Penyelarasan Perindustrian akan menyekat kemajuan dalam bidang pelaburan asing dan penanaman modal tempatan kerana adalah mustahil bagi Kerajaan menyekat kemajuan di dalam satu sektor ekonomi iaitu sektor perkilangan yang mana telah ditugaskan memainkan peranan yang penting di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan di dalam pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru kita. Bahkan Akta Penyelarasan Perindustrian adalah bertujuan untuk membolehkan Kerajaan memastikan kemajuan yang teratur di dalam sektor perkilangan selaras dengan dasar-dasar perindustrian negara dan juga Dasar Ekonomi Baru. Di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian Kerajaan tidak sekali-kali bertujuan mengubah dasarnya mengenai pengalakan pelaburan asing dan penanaman modal tempatan kerana layanan yang akan diberi kepada pelabur-pelabur ini di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian adalah sama dengan layanan yang selama ini telah diberi kepada kilang-kilang perusahaan yang telah mendapat galakan cukai daripada Kementerian dan daripada pihak Kerajaan dan Kerajaan akan terus bersikap "flexible" dan "pragmatic" di dalam pelaksanaan Akta Penyelarasan Perindustrian ini.

Walau bagaimanapun oleh kerana mungkin ada peruntukan yang kurang jelas pengertian ya yang boleh mengelirukan ataupun yang boleh menghalang pelaksanaannya yang lalin dan cepat atau yang boleh membuka jalan kepada penyalahgunaan sesuatu kuasa di dalam mana-mana peruntukan Akta atau peraturan-peraturannya, maka pindaan bolehlah diadakan kepada peruntukan yang berkenaan itu dari semasa ke semasa. Tetapi saya tegaskan di sini sekali lagi bahawa

pindaan-pindaan apabila dilakukan tidaklah akan menjejaskan matlamat dan tujuan-tujuan asal Akta untuk mengendalikan perkembangan perusahaan di dalam negara secara sihat, teratur dan sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Akta ini dibangkitkan oleh setengah-setengah pihak Pembangkang dan setengah dari Dewan Perniagaan Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan dengan lebih jelas tentang apakah yang ditakutkan oleh mereka itu dan apakah perbatian diberi ketika mana Yang Berhormat Menteri membuat lawatan keluar negeri berkaitan dengan Akta ini. Adakah benar pelabur-pelabur luar negeri berasa cuak ataupun curiga dengan Akta ini?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Setakat kenyataan yang ada pada sisi Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, saya sendiri selaku Menteri yang bertanggungjawab dalam perkara ini sebab-sebab yang dibangkitkan tentang kebimbangan setengah-setengah golongan terhadap Akta Penyelarasan Perindustrian ini ialah kata mereka ini hanya cuma akan menghalang kemajuan perkembangan perusahaan dan tentang kebimbangan ini saya telah memberi penjelasan bahawa ini tidak akan menghalang perjalanan kelicinan perkembangan perusahaan malahan akan lebih-lebih menolong perjalanan perkembangan perusahaan yang saya katakan tadi teratur dan tersusun. Selain daripada itu, ada pihak-pihak yang berkenaan juga menyatakan kebimbangan di atas setengah-setengah peruntukan di dalam Akta yang dikatakan sebagaimana saya katakan tadi kurang jelas dan mungkin boleh diberi tafsiran yang tidak tepat. Dengan itu juga mungkin boleh membangkitkan keadaan dalam masa peruntukan-peruntukan ini yang tidak begitu tepat maknanya boleh disalahgunakan kuasanya oleh pihak-pihak yang melaksanakan Undang-undang ini. Sebagaimana yang saya telah terangkan kepada Dewan baru-baru ini kita telah menerima memorandum daripada pihak-pihak yang berkenaan di atas kebimbangannya tentang peruntukan-peruntukan yang tertentu dalam Akta ini dan kita telah mengkaji dengan mendalamnya. Sebagaimana saya kata tadi ada pandangan-pandangan yang munasabah tentang peruntukan-peruntukan dalam Akta ini yang saya sendiri

berpendapat perlu diperbaiki, diubahkan supaya tepat lagi maknanya dengan tidak membangkitkan kebimbangan di kalangan orang-orang yang berkenaan.

Tentang pertanyaan Ahli Yang Berhormat apa reaksi pihak-pihak di luar tentang Akta Penyelarasan Perindustrian ini, sebagaimana yang saya jelaskan juga oleh kerana kekeliruan atau kurang faham di atas tujuan Akta ini, ada juga pihak-pihak yang berkenaan di luar negeri yang menyatakan perasaan kebimbangan juga terhadap Akta ini dan mereka menyatakan juga sebagaimana yang telah dinyatakan oleh setengah-setengah pihak di sini, Akta ini akan cuma boleh menghalang perkembangan pelaburan, terutamanya daripada luar negeri. Jadi, saya dan pegawai-pegawai saya yang menghadiri Seminar Sidang Pleno di tempat-tempat ini telah memberikan penjelasan satu persatu bukan sahaja di atas tujuan Undang-undang ini bahkan juga makna-makna tujuan Akta, peruntukan dalam Akta ini dan saya berkeyakinan penuh bahawa mereka telah yakin dan perlu kita mengadakan Akta seperti ini pada masa ini.

PEDAGANG-PEDAGANG MALAYSIA

17. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa hanya lapan puluh sembilan orang pedagang-pedagang Malaysia di antara seratus tujuh puluh tujuh pemohon-pemohon diterima untuk menyertai rombongan perdagangan PERNAS ke Pasaria Perdagangan musim gugur Canton apabila dibandingkan dengan sebanyak seratus tiga puluh dua orang yang dibenarkan menghadiri Pasaria Perdagangan pada musim bunga yang lalu.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya 148 orang pedagang-pedagang Malaysia telah dipilih untuk menyertai Rombongan Perdagangan PERNAS ke Pasaria Perdagangan Musim Gugur Canton pada tahun ini; dan bukanlah 89 orang sepertimana yang dikatakan olehnya. Jumlah ini adalah baik jika dibandingkan dengan jumlah peserta-peserta yang telah dipilih untuk menyertai Pasaria tersebut dalam tahun 1974 iaitu 83 orang dan tahun 1975 ialah 76 orang peserta sahaja.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya

kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, apakah garis panduan yang diambil oleh Kerajaan dalam pilihan ahli-ahli rombongan untuk mengambil bahagian di dalam Pesta Perdagangan Canton.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, garis-garis panduannya ialah sebagaimana yang telah kita tetapkan semenjak tahun 1972 iaitu pemohon seboleh-bolehnya hendaklah berumur lebih daripada 32 tahun. Pemohon dibenarkan mengikuti pameran ini sekali dalam setahun. Pemohon-pemohon yang belum lagi menerima kad jemputan dari negeri China juga diberi pertimbangan. Ketutamaan adalah diberikan kepada pemohon dari syarikat yang mengimpot barang-barang dari negeri China melebihi \$100,000 tiap-tiap tahun. Pemohon-pemohon dari syarikat yang jumlah dagangannya kurang daripada \$100,000 juga dipertimbangkan mengikut jenis perniagaan yang dijalankan oleh mereka.

Bagi syarikat-syarikat yang menjadi ahli kepada Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia Barat, syarat nombor 4 tadi, dari segi nilai perniagaan \$1,000 itu tidak dikenakan. Hanya seorang wakil sahaja dibenarkan untuk mewakili sebuah syarikat dan bagi pemohon-pemohon dari Sabah dan Sarawak sebagai tambahan dari syarat-syarat yang tersebut di atas, mereka juga dikehendaki mendapat kelulusan daripada pihak Kerajaan Negeri Sabah dan juga Sarawak.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan samada beliau sedar bahawa ramai pengimpot-pengimpot tradisional barang-barang negeri China di negeri ini tidak puas hati dengan cara PERNAS memilih orang-orang yang mengambil bahagian di dalam Pesta Canton. Jika beliau sedar, apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi hal ini.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya dan Kerajaan menyedari bahawa memang ada pihak-pihak yang tidak puas hati di atas cara-cara pemilihan bagi menghantar wakil-wakil ke Pasaria di Canton ini. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat tahu payahlah bagi kita hendak memuaskan hati

kesemua pihak, tentu ada yang ketinggalan kerana yang tidak dapat dimasukkan dalam rombongan ini adalah orang-orang yang sudah tentu tidak memenuhi syarat-syarat requirements yang saya jawapkan garis panduan tadi. Tetapi dalam pada itu, suka saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Negeri China memang mempunyai agensi-agensi perdagangannya di Hongkong, jadi tidak perlu kalau peniaga-peniaga di Malaysia ini hendak menghubungi peniaga-peniaga di negeri China pergi ke Canton sahaja, di Hongkong mereka boleh menghubungi agensi-agensi Kerajaan ini dan menempatkan barang-barang perdagangan yang hendak diimpot ke dalam negara ini.

Saya juga suka memberi kenyataan di sini, buat masa ini memandangkan perimbangan perniagaan di antara China dengan Malaysia ini berat sangat ke sebelah Negara China, bermakna kita mengimpot banyak barang daripada China dan kita menekankan lebih banyak lagi menghantar orang keluar negeri supaya memujuk Negara China membeli banyak barang daripada negara kita membeli barang daripada negeri China supaya keadaan tidak seimbang perdagangan antara dua negara ini akan diperbaiki.

LAOS MENENTANG USUL MALAYSIA DI PERSIDANGAN COLOMBO

18. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah alasan-alasan yang dikemukakan oleh perwakilan Laos semasa menentang usul Malaysia berhubungan dengan rantau aman di Tenggara Asia di dalam sidang Negara-negara Berkecuali di Colombo baru-baru ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithanddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya telah terangkan di Dewan ini dalam jawapan-jawapan saya kepada soalan-soalan yang dikatakan sama, negara-negara Laos dan Republik Sosialis Vietnam telah melahirkan reservation terhadap pengakuan semula oleh

persidangan itu kepada perisytiharan Kuala Lumpur yang mengandungi cadangan kita untuk menubuhkan kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara. Alasan-alasan mereka adalah seperti dalam jawapan saya kepada soalan No. 15 yang sama yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kinta pada 17hb November, 1976.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan adakah dengan sebab penghadiran tentera asing di setengah-setengah negeri ASEAN menyebabkan persoalan ini tidak dapat diselesaikan di persidangan itu.

Tengku Datuk Ahmad Rithanddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya telah terangkan, soal ini tidak dapat dibincangkan (debate) langsung. Saya telah memberikan penjelasan semalam iaitu kalau kita hendak turut pergi main bola dengan suatu pasukan yang kita berasa megah dan tentu menang, sampai di satu tempat di medan hendak bermain bola itu masa sudah gelap, tidak dapat kita bermain. Jadi, hampalah kita tidak dapat bermain. Begitu lah umpamanya.

CADANGAN "RANTAU KECUALI" COLOMBO

19. Tuan Haji Embong bin Yahya minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sebab-sebab cadangan "Rantau Kecuali" Malaysia tidak mendapat sokongan dari Persidangan Negara-negara Berkecuali di Colombo dalam bulan Ogos, 1976 lalu; dan
- (b) adakah tentangan itu datangnya dari negara Luar Tenggara Asia atau negara Asia sendiri.

Tengku Datuk Ahmad Rithanddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya kepada soalan ini adalah sama dengan jawapan saya kepada soalan No. 18 hari ini yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Pasir Putih dan juga jawapan-jawapan dan kenyataan-kenyataan saya di Dewan ini beberapa hari yang lepas.

RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG PER- BEKALAN, 1977

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (18hb November, 1976).

*Majlis Mesyuarat menjadi sebagai
Jawatankuasa*

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan
Jawatankuasa)*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum daripada saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan menyambung jawapan beliau, saya suka hendak menerangkan setakat ini kita hanya telah membicarakan tiga Kepala termasuk Kepala B. 15 di bawah Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan. Jikalau tidak salah hitungan saya kita ada 19 lagi Kementerian yang mengandungi tidak kurang daripada 50 Kepala Mengurus dan 41 Kepala Pembangunan. Hari ini yang kelima dan kita ada maksima 11 hari lagi. Dari itu, bolehlah Yang Berhormat tenguk bagaimanakah sempitnya masa.

Saya perhatikan selama beberapa hari yang lepas Ahli-ahli Yang Berhormat melarat sedikit waktu bercakap. Itulah saya harap Yang Berhormat semua bekerjasama, tolong pendek-pendekkan ucapan supaya ramai lagi daripada Yang Berhormat rakan-rakan kita dapat bercakap dalam Jawatankuasa ini.

Kalau tidak, boleh jadi minggu hadapan pihak Tuan Yang di-Pertua akan menguntukkan masa tertentu samada masa selama mana seseorang ahli itu boleh bercakap ataupun menguntukkan selama masa kita akan untukkan bagi satu-satu Kepala, sebagaimana kuasa yang diberi dalam Peraturan Majlis. Kalau kita tidak untukkan masa yang tertentu, boleh jadi kita melarat bersidang sampai jauh malam.

Iniilah saya minta kerjasama dan fahaman dari Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menyambung jawapan beliau.

Kepala B. 15 (Jadual)—

*Kepala P. 15 (Anggaran Pembangunan,
1977)—*

3.30 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar): Tuan Pengerusi, pada hari kelmarin saya telah menyentuh secara umum sahaja atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Dengan izin, Tuan Pengerusi, saya suka pada hari ini menjawab beberapa perkara tertentu yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat dengan secara ringkas yang boleh.

Tuan Pengerusi: Sila, tetapi detailnya jangan panjang sangat, cara umum sudahlah.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menggesa Kementerian saya supaya memberi perhatian yang lebih berat kepada pembinaan rumah-rumah kos rendah di dalam Wilayah Persekutuan dengan memberi peruntukan yang lebih kepada Dewan Bandaraya untuk melaksanakan sekim-sekim perumahan tersebut supaya golongan berpendapatan rendah boleh memiliki rumah sendiri. Beliau juga menyatakan bahawa ada ramainya pemohon terhadap perumahan awam sebagai yang berlaku di Wilayah Persekutuan dan di beberapa tempat itu, adalah gejala-gejala yang kurang sihat.

Yang Berhormat Menteri dalam ucapan jawapannya di peringkat Dasar beberapa hari yang lepas telah menegaskan bahawa Kerajaan sedar tentang keperluan perumahan yang semakin bertambah terutama sekali di Wilayah Persekutuan. Oleh kerana itulah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini, sebahagian besar dari peruntukan yang didapati itu adalah khususnya bertujuan bagi pembinaan rumah-rumah kos rendah di Wilayah Persekutuan. Begitu juga dengan peruntukan tahun 1977 bagi perumahan awam, sebahagian besarnya adalah untuk pembinaan rumah awam kos rendah yang kebanyakannya terdiri dari jenis pangsa di Wilayah Persekutuan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya tidak nafikan kelebihan bilangan pemohon daripada rumah-rumah yang disediakan oleh ejensi-ejensi Kerajaan itu. Kita tidak harus mengenyepikan faktor bahawa bilangan itu adalah begitu rupa kerana ada di antara mereka yang mengambil borang permohonan (dan peristiwa itulah yang lazimnya dijadikan bahan seranta) juga adalah terdiri daripada mereka yang sengaja bertujuan untuk spekulasi dan mereka yang tidak layak memohon.

Peristiwa yang berlaku baru-baru ini di Kuala Lumpur mengenai projek perintis Dewan Bandaraya ialah satu peringkat baru dalam sejarah negara kita dari segi perumahan. Walaupun telah berlaku inflasi dan kos pembinaan sudah berganda daripada keadaan 4 tahun lalu, perumahan awam sudah dapat menjalinkan "approach" atau pendekatan baru yang membolehkan harga jualan tercapai oleh rakyat jelata. Trend ini akan berlanjutan bukan sahaja dari segi perumahan awam, bahkan di kalangan pemaju-pemaju swasta pun, trend ini sudah mula terjal: mula-mula di Ipoh dan tidak lama lagi di Wilayah Persekutuan, di Johor dan akan juga merebak di negeri-negeri lain. Gejala-gejala yang ternampak sekarang memang sudah dijangka, tetapi dengan usaha-usaha tambahan yang dinyatakan tadi, ianya akan berubah kepada satu perkembangan yang saya yakin dapat dijadikan satu faktor bagi menyelesaikan masalah perumahan di negara ini.

Tuan Pengerusi, pada hakikatnya perkembangan ini adalah hasil positif daripada gesaan saya dan rakan-rakan saya di Kementerian agar perubahan dilakukan kepada mutu atau standard perumahan di negara ini. Gesaan itu telah dibuat semenjak kira-kira setahun dahulu dan selaras dengan trend yang berlaku di seluruh dunia sebagai menentang cabaran dari keadaan ekonomi dunia yang terpicung kerana inflasi.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Kumpulan Wang Pusingan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, iaitu sebanyak \$10 juta, sukalah saya menjelaskan di sini supaya jangan berbangkit salah faham Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Saya suka menerangkan di sini bahawa Kumpulan Wang Pusingan ini adalah

tidak termasuk dalam mana-mana Pecahan-kepala peruntukan berkenaan perumahan di bawah Kementerian saya. Lagi pun kita sekarang dalam perbahasan peringkat jawatankuasa di mana perkara detail mengikut Pecahan-kepala adalah dibahaskan. Namun begitu, oleh kerana pengurusan ke atas Kumpulan Wang ini adalah dipertanggungjawabkan kepada Kementerian saya, maka untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu saya suka menyatakan di sini bahawa setakat ini sebanyak 250 permohonan dari Semenanjung Malaysia telah diterima oleh Kementerian saya. Walaupun Kementerian ini mengalami ketiadaan pegawai-pegawai dan kakitangan untuk menguruskan sekim-sekim di bawah Kumpulan Wang ini, sehinggalah baru-baru ini di mana seorang pegawai telah didapati, permohonan-permohonan tersebut telah dan sedang diproses. Untuk masa ini tumpuan adalah diberi kepada permohonan-permohonan dari kawasan-kawasan tertentu atas sebab mudah bagi Kementerian mengawasi pelaksanaan rumah-rumah tersebut, memandangkan kepada masalah yang saya sebutkan tadi, dan pemohon-pemohon yang berjaya akan diberitahu dalam sedikit masa lagi mengenai permohonan mereka itu.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat itu bahawa wujudnya kekurangan kakitangan yang berkelibar di Bahagian Pelesenan dan Khidmat Nasihat Kementerian saya, saya suka menerangkan di sini bahawa perlantikan pegawai-pegawai sebagai pegawai penguatkuasa masih terhad kepada anggota yang ada sekarang. Penambahan kepada perlantikan ini sedang diusahakan selaras dengan keadaan dan perkembangan di Kementerian saya serta Jabatan Perumahan Negara yang baru diwujudkan itu. Namun demikian bantuan dari Kerajaan-kerajaan Negeri ada didapati.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyuarakan perkembangan mengenai undang-undang kecil bangunan (building by-laws) kerana undang-undang yang ada sekarang adalah tidak sesuai lagi.

Saya suka menerangkan bahawa menurut Akta yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, satu Undang-undang Kecil Bangunan Seragam telah digubal dan diterima oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan. Apabila diterima dan dipraktikkan oleh semua Majlis-majlis Tempatan

kelak, masalah-masalah sebagai yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dijangka akan hapus.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga ada membangkitkan perkara mengenai kenaikan sewa rumah-rumah pangsa P.K.N.S. di Seksyen 17, Petaling Jaya. Beliau juga menggesa supaya penghuni-penghuni rumah pangsa tersebut dan juga di Kuala Lumpur diberi peluang untuk membeli rumah-rumah itu. Sungguhpun perkara ini adalah terkeluar dari bidang kawalan Kementerian saya, namun demikian syor-syor Ahli Yang Berhormat itu akan saya sampaikan kepada Kementerian yang berkenaan.

Seterusnya saya suka menyatakan bahawa saya sungguh tertarik kepada hujjah-hujjah dan pandangan yang telah dilafazkan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari kelmarin, terhadap masalah perumahan di negara kita ini. Hujjah-hujjah itu adalah membayangkan bahawa masalah perumahan adalah mengharapakan penyelesaian bersama—oleh pihak Kerajaan dan juga penyertaan pihak Wakil-wakil Rakyat serta rakyat sendiri. Inilah hakikat yang telah diuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan beberapa kali di Dewan yang mulia ini bahawa walaupun perumahan menjadi satu daripada keperluan asas yang penting, usaha untuk mencapai objektif memiliki rumah adalah tugas rakyat sendiri. Dan bahawa Kerajaan menyediakan peluang-peluang dan kemudahan untuk rakyat mendapat “decent shelter” bagi menampung usaha mereka itu.

Saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memahami hakikat tersebut tadi serta yang menyedari bahawa sebagai yang termaktub di dalam Perlembagaan kita, perkara perumahan (dan tanah) adalah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri, melainkan di Wilayah Persekutuan. Kita tidak mengabaikan tanggungjawab kita dan menyedari kerumitan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam soal perumahan. Malah kita ada memberi bantuan-bantuan secara yang positif agar mereka berjaya menyelesaikan masalah perumahan di kawasan mereka masing-masing. Cara-caranya telahpun diuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan dalam ucapan jawapan beliau di peringkat dasar minggu lepas.

Akan tetapi sebagai yang telah diperkatakan dahulu usaha-usaha mempercepatkan proses itu bergantung kepada banyak faktor. Di antaranya ialah keupayaan Kerajaan-kerajaan Negeri dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Setakat ini Jabatan Perumahan Negara giat membantu mereka yang kurang keupayaan, seperti negeri-negeri Kelantan, Perlis dan Kedah. Menyedari kelemahan-kelemahan tertentu yang boleh menjadikan kekurangan rumah-rumah di sebahagian tempat dan kawasan di negara kita, maka Kementerian saya ada mempunyai langkah “contingency” yang tercatat di Pecahan-kepala 3 di bawah Tajuk “Perumahan Awam Tambahsuai”. Andainya keadaan memaksa, maka Kementerian saya menerusi Jabatan Perumahan Negara yang baru diwujudkan itu, akan bertindak secara direct dalam bidang perlaksanaannya. Setakat ini desakan seperti itu tidak timbul keseluruhannya. Oleh sebab itu Jabatan tersebut banya melibatkan dirinya di dalam beberapa projek tertentu di mana Kerajaan-kerajaan Negeri memerlukan penyertaan itu, terutama di dalam projek-projek yang berunsur rumah-rumah pangsa dan yang rumit dari segi teknikal.

Dalam perhubungan kita dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, peranan Wakil-wakil Rakyat, saya fikir adalah amat penting sekali. Mereka boleh mempercepatkan pelaksanaan projek-projek perumahan, terutama perumahan awam yang diperuntuk sebagai tugas Kerajaan-kerajaan Negeri, Wilayah Persekutuan dan agensi-agensi mereka, kerana ada di antara mereka yang memerlukan bimbingan yang positif. Segala yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang kehendak rakyat di kawasan-kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat itu terhadap perumahan akan saya sampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan di peringkat Negeri dan Wilayah Persekutuan. Di samping itu elok dan juga berfaedah sekali sekiranya perkara-perkara itu disampaikan terus oleh mereka kepada pihak-pihak yang saya sebutkan tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi ada membuat teguran-teguran, di antaranya mengenai perkara-perkara seperti berikut:

- (i) tidak mengikut plan tata-atrur dan peruntukan-peruntukan kemudahan

yang mencukupi oleh pemaju-pemaju perumahan;

(ii) kelewatan menyerahkan rumah-rumah;

(iii) memungut wang tempahan tidak mengikut kadar yang dinyatakan dalam Kaedah;

(iv) kes Taman Salak South;

(v) kes Taynton View.

Berhubung dengan aduan beliau bahawa pemaju-pemaju perumahan tidak mengikut pelan tata-aturnya yang diluluskan itu dan, tidak juga diadakan kemudahan-kemudahan secukupnya di dalam kawasan perumahan yang dimajukan oleh mereka. Ahli Yang Berhormat itu tentu mengetahui sepenuhnya bahawa perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian ini. Sebenarnya Kementerian ini adalah mentadbir Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju-Pemaju Perumahan yang mana tidak memberikan kuasa untuk mengambil tindakan atas perkara-perkara yang bersabit dengan undang-undang yang ditadbirkan oleh Kementerian-ementerian/Jabatan-jabatan lain. Sebagai seorang Ahli Parlimen, saya menjangka beliau tentu juga mengerti tentang fungsi-fungsi tertentu Kementerian-kementerian berkenaan dan dari itu membangkitkan perkara-perkara yang hendak dikemukakannya pada masa yang tepat. Walau bagaimanapun saya tegaskan di sini Kementerian ini sentiasa berhubung dengan pihak berkuasa berkenaan yang bersangkutan di dalam perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Berhubung dengan kelewatan menyerahkan rumah-rumah oleh pemaju-pemaju perumahan, saya anggap adalah perlu diulang sekali lagi di sini atas apa yang telah dinyatakan pada masa yang lalu di dalam dan di luar Dewan yang mulia ini. Untuk menentukan pemaju-pemaju perumahan menjalankan kemajuan perumahan mengikut amalan perniagaan yang baik, serta juga bagi mengawal kepentingan pembeli-pembeli rumah, di dalam Kaedah-kaedah (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan ada syarat yang menentukan bahawa tiap-tiap kontrak penjualan antara pemaju perumahan dan pembeli mestilah bertulis dan mestilah juga mengandungi beberapa peruntukan minima (iaitu 21 contohnya), sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah 12. Dalam peruntukan-peruntukan tertentu itu ada terdapat peruntukan tentang tarikh penyerahan

rumah dan cara-cara bagi membayar ganti-rugi kepada pembeli jika sekiranya berlaku kelewatan dalam menyerahkan rumah. Jika sekiranya kelewatan itu disebabkan oleh pemaju perumahan berkenaan, maka ia telah melanggar kontrak penjualan itu, dan oleh kerana itu ia hendaklah membayar ganti-rugi. Oleh kerana kontrak penjualan itu adalah di antara dua pihak, iaitu antara pemaju dengan pembeli, maka dengan itu sekiranya ada terdapat salah satu pihak memungut kontrak tersebut dan penyelesaian tidak dapat dicapai antara mereka, maka perkara ini hendaklah diselesaikan di Mahkamah. Selain daripada hakikat bahawa peruntukan-peruntukan dalam sesuatu kontrak penjualan ada mengandungi kepentingan-kepentingan pembeli, Kementerian ini telah juga mengambil tindakan-tindakan pentadbiran dan tindakan mendakwa di mahkamah pemaju-pemaju yang melanggar Kaedah-kaedah itu.

Tentang pungutan wang tempahan yang berlebihan dari yang ditetapkan, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa tindakan telah dan akan diambil oleh Kementerian ini apabila sahaja diketahui ada kes-kes di mana pemaju-pemaju perumahan telah gagal untuk mematuhi kehendak-kehendak Kaedah (khususnya Kaedah 10 dan Jadual C) samada melalui tindakan pentadbiran atau dengan mendakwa di Mahkamah. Hanya pada bulan Julai 1976 yang lalu, sebuah syarikat pemaju perumahan di Pulau Pinang telah didakwa kerana memungut wang tempahan yang berlebihan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian ini telah membuat laporan-laporan ke pihak Polis terhadap pemaju-pemaju perumahan di beberapa negeri kerana telah melanggar kehendak-kehendak Akta dan Kaedah-kaedah di bawahnya sebagai langkah permulaan tindakan mendakwa mereka. Dua kes telahpun dibawa ke mahkamah dan dihukum denda. Mengenai perkara kutipan wang tempahan yang berlebihan dan bayaran ansuran seterusnya, Ahli Yang Berhormat itu hanya telah menuduh bahawa Pemaju-pemaju Perumahan kerap kali melakukan kesalahan ini. Saya minta Ahli Yang Berhormat itu memberikan butir-butir yang specific supaya Kementerian ini boleh menyiasatnya.

Berkenaan dengan kes Taman Salak South, saya telahpun menerangkan di dalam jawapan bertulis saya pada 25-10-1976

bahawa kebanyakan pengadu-pengadu mengemukakan perkara-perkara yang di luar bidangkuasa Kementerian ini, ataupun mengenai perkara-perkara yang terjadi sebelum Akta/Kaedah ini berkuatkuasa. Berhubung dengan kelewatan penyerahan rumah-rumah dan kelewatan mendapatkan surat hakmilik berasingan bagi pembeli-pembeli rumah Taman ini, saya telah menerangkan bahawa perkara ini termasuk dalam kontrek penjualan yang ditandatangani antara pemaju dengan pembeli-pembeli tersebut. Dalam pada itu, Kementerian ini akan menyiasat samada pemaju perumahan Taman itu telah menjalankan urusniaganya mengikut kehendak-kehendak peruntukan di dalam Akta dan Kaedah-kaedah berkenaan. Sekiranya ada bukti bahawa Pemaju Perumahan itu ada melanggar undang-undang tersebut, maka tindakan yang sesuai akan diambil.

Tuan Pengerusi, mengenai Taman Taynton View, tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi itu bukan sahaja tidak berasas malah dibuat sewenang-wenang sahaja. Nampaknya kunjungan-kunjungan yang dibuat oleh beliau ke Kementerian saya bersama-sama dengan wakil dari pembeli-pembeli rumah Taynton View tiada memberi menafaat langsung kepadanya walaupun Yang Berhormat Menteri telah memberi nasihat dan menerangkan dengan telitinya mengenai perkara itu.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi itu, saya ingin mencadangkan bahawa beliau hendaklah berunding dengan rakan-rakannya yang lain di dalam D.A.P. yang mempunyai latihan undang-undang bagi memahami bahawa menurut undang-undang yang ada, Kementerian saya tidak boleh bersikap sebagai pengadil mahkamah dan membuat keputusan undang-undang sewenang-wenangnya untuk menghukum mereka yang melanggar perbekalan-perbekalan dalam Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju-pemaju Perumahan, 1966.

Saya suka menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa selepas menerima aduan-aduan, Pengawal Perumahan telah dengan serta-merta menggantung lesen yang diberikan kepada pemaju perumahan Taynton View. Kemudiannya, suatu lesen yang terhad dan bersyarat telah dikeluarkan kepada pemaju ini untuk membolehkannya menyiapkan rumah-rumah yang terbengkalai,

yang telahpun ditempah oleh pembeli-pembeli. Jika tidak berbuat begitu, bakal-bakal pembeli akan teraniaya akibat penggantungan lesen itu. Asas pengeluaran lesen bersyarat itu telah diterangkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi itu. Andainya Ahli Yang Berhormat yang berkenaan mempunyai "common sense" atau I.Q. seseorang kanak-kanak pun, memadailah baginya memahami keadaan yang sebenarnya.

Tambahan lagi, saya ingin menegaskan bahawa Kementerian saya ingin menentukan bahawa bakal-bakal pembeli mendapat "fair deal" atau layanan yang baik daripada pemaju-pemaju. Kementerian ini tidak akan memilih kasih untuk menolong pemaju perumahan dengan mengabaikan kepentingan pembeli-pembeli. Ini adalah salah satu dari sebabnya maka Kementerian saya terpaksa mengambil masa untuk menyelidik, menyiasat dan meneliti keterangan-keterangan, sebelum sesuatu lesen ataupun permit iklan itu dikeluarkan.

Oleh yang demikian, saya ingin menasihatkan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi itu supaya menumpukan masa yang lebih di kalangan rakyat, bergaul dengan mereka, dan tidak semata-mata memberi kata-kata manis (lip service) kepada mereka, serta membuat tuduhan-tuduhan yang membabi buta terhadap Kementerian ini guna menutup kelemahannya itu.

Tuan Pengerusi: Panjangkah lagi Yang Berhormat?

Datuk Haji Ramli bin Omar: Ada lagi dua minit.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, Tumpat, Padang Terap, dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain telah merayu kepada Kementerian saya supaya dapat juga membantu kampung-kampung yang tidak termasuk dalam takrif "Kampung Baru". Permintaan-permintaan ini adalah menasabah dan telah dipertimbangkan. Tetapi, saya ingin menjelaskan tentang tugas-tugas Kementerian saya, sejauh mana berkaitan dengan "Kemajuan Perkampungan" supaya tidak ada salah faham berbangkit.

Apabila Kementerian ini mula-mula ditubuhkan dalam tahun 1974 (sebelum itu hanya sebuah Bahagian), tugas portfolio ini adalah dihadkan kepada 465 buah "Kampung-kampung Baru" sahaja. Peruntukan

dan juga tenaga Kementerian adalah dihadkan kepada golongan ini. Lain-lain kampung adalah di bawah jagaan lain-lain Kementerian dan Jabatan. Demi untuk mengelakkan salah faham, beberapa kenyataan telah dibuat oleh Menteri yang berkenaan dalam tahun 1975 menerangkan tentang keadaan ini.

Bagaimanapun, usaha-usaha selanjutnya juga telah diambil oleh Kementerian ini supaya tindakan yang berkesan dapat diambil bagi meneliti keperluan kampung-kampung yang berhampiran dengan kampung-kampung baru, dan oleh itu nama dan portfolio Kementerian ini telah diubah menjadi "Kemajuan Perkampungan" dalam bulan Mac, 1976. Tetapi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan memahami, bahawa, walaupun nama dan portfolio Kementerian saya telah berubah supaya meliputi kawasan yang lebih besar dan lebih banyak kampung-kampung, sementara peruntukan yang ada adalah terhad, Kementerian saya telah dan akan terus meneliti dan memberikan bantuan-bantuan yang sama adil terhadap kampung-kampung terutama sekali yang mengalami masalah keselamatan dan juga yang mengalami ketiadaan atau kekurangan kemudahan asas.

Buat akhirnya, Tuan Pengerusi, bagi teguran-teguran lain Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya jawab di sini, saya akan beri perhatian dengan sewajarnya. Saya juga berharap Ahli Yang Berhormat yang mempunyai masalah tertentu sudi berhubung dengan saya atau Kementerian saya, dan saya beri jaminan perkara-perkara tertentu itu akan diberi pertimbangan yang saksama.

Tuan Pengerusi: Sungguh detail jawapan Yang Berhormat, sampai mengambil masa 52 minit.

Masalah dikemuka bagi dipertuankan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,965,700 untuk Kepala B. 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$115,492,820 untuk Kepala P. 15 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1977.

Kepala B. 16, B. 17, B. 18, B. 19, B. 20 dan B. 21 (Jadual)—

Kepala P. 16, P. 18, P. 19 dan P. 20 (Anggaran Pembangunan, 1977)—

3.55 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Haman Adit bin Haji Arshad): Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk menerangkan Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1977 untuk Kementerian saya iaitu Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Kepala B. 16) dan juga Jabatan-jabatan di bawah tanggungjawab Kementerian saya. Jabatan-jabatan itu ialah: Jabatan Perancang Bandar dan Desa (Kepala B. 17), Jabatan Bomba (Kepala B. 18), Jabatan Arkib dan Perpustakaan Negara (Kepala B. 19), Jabatan Cetak Kerajaan (Kepala B. 20) dan Jabatan Perumahan Awam (Kepala B. 21). Saya juga ingin menerangkan secara ringkas Anggaran Belanjawan Pembangunan Tahun 1977 bagi Kementerian saya (Kepala P. 16) dan bagi Jabatan Bomba (Kepala P. 18), Jabatan Arkib dan Perpustakaan Negara (Kepala P. 19) dan Jabatan Cetak Kerajaan (Kepala P. 20).

Jumlah anggaran yang diperlukan untuk Belanja Mengurus ialah \$32,251,500 dan bagi Pembangunan pula \$34,103,090. Anggaran ini ialah untuk maksud-maksud seperti yang terkandung dalam Kertas Perintah Bil. 39/1976 dan keterangan-keterangan mengenainya adalah seperti yang terkandung dalam Kertas Perintah Bil. 40/1976.

Mula-mula saya ingin menerangkan Anggaran Belanja Mengurus:

Kepala B. 16—Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (\$1,033,900)

Kementerian ini memerlukan peruntukan bagi Perbelanjaan Mengurus sebanyak \$1,033,900 bagi tahun 1977. Organisasi Kementerian ini sedang disusun semula dengan mengujudkan beberapa jawatan baru memandangkan kepada beban kerja yang bertambah tiap-tiap tahun. Sebanyak \$471,400 daripada peruntukan tersebut telah diuntukkan kepada Bahagian Kerajaan Tempatan.

Yunit teknikal ini akan memberi nasihat mengenai "Urban Drainage", "Sewerage" dan "Urban Sanitation" serta membantu Penguasa-penguasa Tempatan untuk melaksanakan projek-projek yang memberi taraf hidup rakyat yang lebih baik dan sempurna.

Kepala B. 17—Jabatan Perancang Bandar dan Desa—\$1,409,000

Bagi tahun 1977, Jabatan Perancang Bandar dan Desa memerlukan peruntukan bagi Perbelanjaan Mengurus sebanyak \$1,409,000. Ini akan meliputi perbelanjaan yang akan diutangkan kepada Bahagian Perancang Kawasan (regional) di Jabatan Perancang Bandar dan Desa, di mana kajian-kajian lanjut mengenai perancang pembangunan dan pelan kawasan Melaka, Kedah dan Johor Barat akan dilaksanakan. Kerja-kerja menyediakan pelan-pelan induk Pusat Bandar Jengka serta melaksanakannya akan dijalankan dalam tahun 1977. Selain daripada itu, Bahagian ini juga akan terlibat dalam menyediakan pelan struktur dan pelan induk serta kajian mengenai Bandar Kuantan, Ipoh, Taiping, Petaling Jaya, Melaka, Kluang dan juga mungkin terlibat untuk menyediakan pelan induk untuk Kuala Lumpur.

Dalam rancangan bandar-bandar baru, Jabatan ini akan meneruskan perkhidmatannya kepada Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara dalam menyediakan dan melaksanakan perancangan tiga puluh dua (32) bandar-bandar baru dalam Pahang Tenggara. Perancang bandar-bandar baru Jabatan ini akan terlibat dalam perancangan bandar-bandar baru di samping tugas-tugas khas perancangan bagi tahun 1977. Dalam bidang penyelidikan dan latihan pula, selaras dengan pelaksanaan Akta Perancang Bandar dan Desa 1976, beberapa penyelidikan dan perancangan terpaksa dijalankan agar pelan-pelan yang disediakan boleh dilaksanakan dengan licin dan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Dalam aktiviti latihan pula, bilangan penuntut yang memerlukan latihan praktik dari Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Institut Teknologi Mara dan Kakitangan Jabatan adalah dijangka seramai 160 orang.

Bahagian ini juga akan menyusun semula kajian piawaian perancangan dan kajian-kajian Kampung Nelayan di Semenanjung Malaysia pada tahun 1977. Keterangan-keterangan berhubung dengan Perancang

Bandar dan Desa pada keseluruhannya kepada orang-orang awam akan dipergiatkan lagi pada tahun 1977.

Kepala B. 18—Jabatan Bomba Semenanjung Malaysia—\$9,494,100

Jabatan Bomba Semenanjung Malaysia memerlukan peruntukan Perbelanjaan Mengurus sebanyak \$9,494,100 bagi tahun 1977. Perbelanjaan ini telah bertambah akibat daripada penyatuan semua Perkhidmatan Bomba Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia di bawah Kerajaan Pusat berikutan dengan pindaan Perlembagaan yang telah diluluskan pada sidang Parlimen yang lalu. Dengan terlaksananya pengambilan alih ini, maka tanggungjawab dan fungsi-fungsi Perkhidmatan Bomba di seluruh Semenanjung Malaysia akan dapat diselaraskan sejajar dengan pembangunan negara yang sedang berkembang dengan pesatnya.

Kepala B. 19—Jabatan Arkib dan Perpustakaan Negara—\$2,718,800

Sejumlah \$2,718,800 adalah diperlukan oleh Jabatan ini bagi tahun 1977. Peruntukan ini adalah melebihi peruntukan tahun 1976 sebanyak \$327,360. Tambahan peruntukan ini mencerminkan pemekatan tugas-tugas serta perolehan bahan-bahan untuk Arkib Negara dan buku-buku untuk Perpustakaan Negara serta untuk Perpustakaan Awam bagi Wilayah Persekutuan. Arkib Negara telah memperluaskan aktiviti dengan penubuhan cawangan-cawangan bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan bagi Kawasan Timur di Kuala Trengganu Semenanjung Malaysia. Untuk tahun 1976, jumlah kakitangan adalah 243 orang dan jumlah ini akan bertambah kepada 269 orang lagi dalam tahun 1977.

Kepala B. 20—Jabatan Cetak Kerajaan Malaysia—\$16,465,000

Anggaran mengurus Jabatan Cetak Malaysia bagi tahun 1977 ialah sebanyak \$16,465,000. Sebanyak \$6,111,720 adalah untuk perbelanjaan gaji-gaji dan elaun-elaun kakitangan, \$9,580,740 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan dan \$773,540 untuk perbelanjaan Pemilikan Harta Modal.

Kepala B. 21—Jabatan Pertahanan Awam—\$1,130,700

Jabatan Pertahanan Awam memerlukan peruntukan bagi Belanja Mengurus sebanyak

\$1,130,700 bagi tahun 1977. Perbelanjaan Jabatan ini bertambah sebanyak \$100,000 sahaja dari peruntukan tahun 1976. Sebanyak \$60,000 daripada tambahan ini adalah untuk bayaran elaun latihan bagi Anggota-anggota Sukarela Pasukan Pertahanan Awam khususnya di Sabah dan Sarawak.

Kepala P. 16—Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan—\$22,310,060

Anggaran Pembangunan bagi Kepala ini yang dipinta ialah \$22,310,060 dan ini adalah berlebihan sebanyak \$13,809,990 daripada peruntukan tahun 1976. Wang yang dipinta itu akan digunakan bagi maksud-maksud seperti berikut:

Ibu Pejabat	...	\$ 290,000 (grant)
Bandaraya, Kuala Lumpur	...	\$ 1,270,060 (grant)
		\$19,000,000 (pinjaman)
Majlis Perbandaran Ipoh	...	\$ 1,500,000 (pinjaman)
Majlis Perbandaran Melaka	...	\$ 250,000 (pinjaman)

Dari jumlah \$22,310,060 yang disebutkan tadi, sebanyak \$1,560,060 adalah untuk grant dan sebanyak \$20,750,000 adalah untuk pinjaman.

Kementerian saya sedang giat bertindak untuk meluaskan kawasan Penguasa-penguasa Tempatan agar dapat lagi kawasan-kawasan luar bandar menerima kemudahan-kemudahan seperti yang boleh diberi oleh Penguasa-penguasa Tempatan dan juga untuk menyatukan Penguasa-penguasa Tempatan agar ianya menjadi lebih besar dan cekap. Penyusunan semula Penguasa-penguasa Tempatan ini adalah sejajar dengan pembangunan kita yang pesat dengan berpanduan kepada Dasar Ekonomi Baru.

Dalam tahun lalu, dua undang-undang baru iaitu Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 telah diluluskan oleh Parlimen ini. Undang-undang baru ini telahpun diedarkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan adalah dijangka beberapa buah Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia akan menguatkuasakan Akta itu menjelang tahun 1977.

Dalam tahun 1977, Bahagian Kerajaan Tempatan adalah dijangka akan bergerak dengan lebih pesat lagi apabila proses

penyusunan semula Penguasa-penguasa Tempatan diperhebatkan lagi dengan pengukuasaan Akta Kerajaan Tempatan dan Akta Perancang Bandar dan Desa tersebut.

Di bawah Ibu Pejabat di bawah Pecahan-kepala 1 anggaran sebanyak \$290,000 adalah dipinta sebagai pemberian geran kepada Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan untuk membiayai projek-projek kecil seperti pembinaan jalan dan parit.

Untuk tahun 1977, jumlah geran yang diperlukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ialah sebanyak \$1,270,060 (Pecahan-kepala 12 hingga 16 dan 18 hingga 21). Jumlah ini akan digunakan untuk berbagai keperluan seperti pembinaan pejabat-pejabat cawangan Bandaraya di Jinjang, Kampung Konggo dan di Kampung Datuk Keramat, pembinaan dan penyelenggaraan 5 buah balai bomba dan pembelian kenderaan-kenderaan Bomba, pembinaan pusara negara dan lain-lain kemudahan sosial.

Pecahan-kepala 11 dan 17 merupakan jumlah pinjaman yang akan diberi kepada Bandaraya Kuala Lumpur iaitu sebanyak \$19,000,000. Daripada jumlah ini, sebanyak \$500,000 adalah untuk pembinaan pejabat-pejabat Bandaraya di satu bangunan tinggi untuk menempatkan semua jabatan-jabatan Dewan Bandaraya. Pada masa ini pihak Dewan Bandaraya tidak dapat menempatkan kesemua pejabat-pejabatnya di dalam suatu bangunan dan ini telah mengakibatkan kesukaran pentadbiran oleh kerana banyak pejabat-pejabatnya terletak di merata-merata tempat di Kuala Lumpur. Baki pinjaman sebanyak \$14,000,000 adalah untuk projek Pelan Induk Saluran Najis (Peringkat I) bagi Kuala Lumpur. Dalam tahun 1977 kerja-kerja utama seperti pengambilan tanah akan dijalankan bagi projek ini.

Untuk Majlis Perbandaran Ipoh (Pecahan-kepala 42) pinjaman sebanyak \$1,500,000 adalah dipinta untuk pembinaan pasar baru, Ipoh untuk menggantikan pasar lama yang sebahagiannya telah terbakar.

Majlis Perbandaran Melaka (Pecahan-kepala 46) memerlukan pinjaman sebanyak \$250,000 bagi tahun 1977 bagi melanjutkan projek-projek pembinaan dan pembaikan sistem parit (drainage system) di kawasan-kawasan yang rendah, supaya mengatasi masalah-masalah banjir.

Kepala P. 18—Jabatan Bomba—\$6,000,000

Jabatan ini memerlukan peruntukan sebanyak \$6,000,000 bagi tahun 1977. Keperluan peruntukan ini adalah disebabkan oleh penyatuan semua Perkhidmatan Bomba Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, di bawah Kerajaan Pusat mulai daripada lhb. Januari, 1976.

Dengan penyatuan ini, Jabatan Bomba akan melipatgandakan aktivitinya dalam tahun 1977. Langkah-langkah untuk membaiki Perkhidmatan Bomba akan dibuat secara berperingkat-peringkat. Sebahagian besar peruntukan itu adalah untuk penggantian kereta-kereta bomba yang sudah lama dan kurang berguna lagi bagi kegunaan operasi. Satu jadual penggantian kereta-kereta ini telah disediakan mengikut peringkat dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, supaya Jabatan ini dapat memperoleh jentera-jentera dan alat-alat yang cukup dan efisien sejajar dengan kepesatan pembangunan-pembangunan di negara ini.

Sebahagian peruntukan ini adalah untuk mengganti dan memperbaiki balai-balai bomba yang sudah lama. Balai-balai bomba baru juga perlu didirikan di kawasan-kawasan yang membangun dan di bandar-bandar baru yang berkembang, yang mana dulu-dulunya telah tidak diberi perhatian dan perlindungan kebakaran yang cukup.

Dari segi latihan, Pusat Latihan Bomba di Kuala Kubu Baru yang ada sekarang akan juga diperbesarkan lagi untuk menampung lebih ramai peserta-peserta kursus. Cawangan-cawangan Pusat Latihan juga akan ditubuhkan untuk menampung segala latihan rekrut dan kursus-kursus ulangkaji serta seminar-seminar.

Kepala P. 19—Jabatan Arkib dan Perpustakaan Negara \$2,400,030

Jumlah peruntukan yang diperlu bagi Jabatan ini ialah \$2,400,030. Daripada jumlah ini sebanyak \$2,000,000 adalah untuk projek-projek pembinaan pembangunan Arkib Negara yang baru. Projek ini telah dijangka bermula dalam tahun 1975, tetapi telah tergendala oleh kerana tapak bangunan telah diambil oleh Jabatan Kerja Raya. Tapak baru seluas lebih kurang 5 ekar telah diperuntukan dan perbelanjaan yang diperlukan untuk persediaan tanah dan pembinaan asas di tapak baru itu ialah \$2,000,000 bagi tahun 1977.

Sejumlah \$400,000 adalah perlu dalam tahun 1977 untuk pemberian kepada negeri-negeri Trengganu, Melaka, Kedah dan Negeri Sembilan bagi menggalakkannya menubuhkan rangkaian perpustakaan awam pada peringkat negeri-negeri.

Selain daripada itu peruntukan tanda (token vote) sebanyak \$10 tiap-tiap satu adalah perlu bagi projek penyimpanan rekod-rekod penting negara di Arkib Negara, projek Bangunan Perpustakaan Negara (yang belum mendapat tapak tanahnya) dan projek koleksi buku-buku di Perpustakaan Negara.

Kepala P. 20—Jabatan Cetak Kerajaan—\$3,393,000

Jabatan ini memerlukan peruntukan sebanyak \$3,393,000 bagi tahun 1977. Dari jumlah ini, sebanyak \$950,000 ialah untuk pembinaan dan pengambilan tanah dan \$2,443,000 ialah bagi membeli mesin dan kelengkapan yang baru.

Dalam tahun 1977, tiga pembelian tanah akan dilakukan iaitu di Kuching dan Miri, Sarawak, dan di Kuala Trengganu. Ibu Pejabat di Kuala Lumpur pula akan mendirikan sebuah bangunan dua tingkat untuk Bahagian Penjualan dan Pembahagian Penerbitan.

Sebanyak lebih kurang 24 mesin-mesin akan digantikan dalam tahun 1977. Mesin-mesin tersebut adalah yang sudah lama dan tidak boleh digunakan dengan efisien lagi. Peruntukan yang diperlukan bagi maksud ini ialah sebanyak \$2,443,000.

Sebagai kesimpulannya, jumlah anggaran yang diminta untuk tahun 1977 bagi Kementerian saya dan Jabatan-jabatan di bawahnya ialah seperti berikut:

Anggaran Belanja Mengurus 1977

Kepala B. 16	...	\$ 1,033,900
Kepala B. 17	...	\$ 1,409,000
Kepala B. 18	...	\$ 9,494,100
Kepala B. 19	...	\$ 2,718,800
Kepala B. 20	...	\$16,465,000
Kepala B. 21	...	\$ 1,130,700
JUMLAH	...	\$32,251,500

Anggaran Belanja Pembangunan 1977

Kepala P. 16	...	\$22,310,060
Kepala P. 18	...	\$ 6,000,000
Kepala P. 19	...	\$ 2,400,030
Kepala P. 20	...	\$ 3,393,000
JUMLAH		\$34,103,090

Tuan Pengerusi, saya mohon izin tuan untuk mencadangkan bahawa perbelanjaan bagi Kepala-kepala B. 16 sehingga B. 21 menjadi sebahagian daripada Jadual Bill Perbekalan dan jumlah yang dipinta bagi Kepala P. 16, P. 18, P. 19 dan P. 20 diluluskan oleh Dewan.

4.11 ptg.

Tuan An How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit tentang Kepala P. 16, muka surat 99, Pecahan-kepala 1, Pemberian untuk Projek projek di Kawasan Bandar dan Majlis Tempatan dan Kepala B. 17, muka surat 103, Aktiviti (4) iaitu Bahagian Perancang Kawasan Bandar.

Tuan Pengerusi, di muka surat 100 dan 101 kita dapati bahawa Kementerian ini telah membuat peruntukan kepada dua bandaraya dan tiga perbandaran untuk menjalankan projek-projek seperti pasar baru, rancangan saluran najis, klinik, kebajikan kanak-kanak dan sebagainya. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada Yang Berhormat Menteri untuk mempertimbangkan satu peruntukan yang menasabah kepada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Telok Anson untuk pembinaan sebuah jambat (flyover) menyeberangi landasan keretapi di simpang Jalan Changkat Jong dan Jalan Hose. Pembinaan ini adalah sangat penting kepada bandar Telok Anson bukan sahaja untuk meringankan kesesakan lalu-lintas bahkan untuk keselamatan.

Tuan Pengerusi, bolehlah dikatakan bahawa landasan keretapi ini membahagikan bandar Telok Anson kepada dua bahagian, bandar pusat yang ada sekarang terletak di sebelahnya dan kawasan Changkat Jong di sebelah yang lain. Dengan runtutan yang baru berlaku di Jalan Maharaja Lela, Jalan Changkat Jong adalah jalan tunggal yang dibuka untuk orang-orang dari Selatan yang hendak memasuki ke pusat bandar. Jalan ini

ditutup sebanyak lapan kali sehari apabila keretapi lalu di situ. Masa tutup tiap-tiap kali adalah daripada 15 sehingga 20 minit. Tuan Pengerusi, seseorang dapat menggambarkan masalah lalu-lintas yang telah diwujudkan di jalan tunggal yang menghala ke bandar. Akan tetapi, apa yang dirasakan lebih penting adalah kita mempunyai bank-bank, pejabat-pejabat Kerajaan, hospital, istana dan lain-lain adalah di sebelah bandar dan Balai Polis dan Bomba di sebelah yang lain di kawasan Changkat Jong. Pendek kata, bandar Telok Anson telah dipisahkan oleh landasan keretapi ini. Bukanlah maksud saya hendak mengejutkan sesiapa khususnya penduduk-penduduk Telok Anson, tetapi ada kemungkinan bahawa pada waktu kecemasan seperti kebakaran atau rompokan di Bandar Pusat, maka Polis atau Bomba tidak dapat datang memberi sebarang bantuan kepada mangsa-mangsa dengan serta merta jika pada waktu kecemasan didapati pintu keretapi itu ditutup. Oleh kerana itu, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya bertimbang rasa dengan serius terhadap cadangan ini tentang membina jambat (flyover) yang menyeberangi landasan keretapi itu sebagai satu sambungan (linkage) yang kekal untuk peraliran lalu-lintas yang lalu lalang di antara pusat bandar dan kawasan yang sedang membangun di sepanjang Jalan Changkat Jong supaya bantuan boleh diberi kepada orang ramai pada waktu kecemasan dari satu bahagian ke bahagian yang lain tanpa gangguan.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga mendesak Perancang Bandar meneliti semula pada rancangan keseluruhan untuk Telok Anson serta menyediakan sebuah Pelan Induk untuk memberi panduan kepada pembangunan dan perkembangan bandar Telok Anson seluruhnya. Pada masa yang sudah Perancang Bandar telah membuat pelan-pelan dengan kawasan kecil demi kawasan kecil bagi Telok Anson, terutamanya untuk tujuan kediaman, akan tetapi pembangunan sectional yang tidak bersifat self-contained. Penduduk masih juga pergi ke bandar lama untuk membeli-belah, banking, hiburan dan sebagainya. Rancangan sectional yang ada sekarang patut diperiksa semula dan ditimbang semula. Betapa banyak bangunan yang baru ini akan memperbaiki (compliment) bandar yang masih ada sekarang oleh sebab-sebab bandar yang ada sekarang tidak boleh ditekptikan sekali kerana ianya masih ada satu

pusat perniagaan dan pengkalan mendarat bagi orang-orang yang bermastautin di kawasan tepi sungai. Sambungan jalanraya yang lebih baik seperti jejambat seperti yang tersebut di atas di antara pembangunan yang lama dan baru patut diberi keutamaan yang segera. Dan berbagai rancangan sectional patut disemak semula supaya termasuk kemudahan-kemudahan seperti panggung wayang, pasar, pejabat pos untuk mengurangkan perjalanan yang tidak diperlukan.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja pandangan saya dan saya berharap Yang Berhormat Menteri akan menolong kami merancang pembangunan dan perkembangan yang teratur untuk Telok Anson yang mana Yang Berhormat Menteri sendiri kerap kali melawat.

4.20 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Pembangunan P. 18, Pecahan-kepala 2—Kereta-kereta Bomba dan Kelengkapan, muka surat 108.

Kita sedia maklum bahawa pembangunan bandar berjalan begitu pesat di sana sini. Bangunan tersergam dan tinggi lebih daripada 10 tingkat dibangunkan di merata tempat. Kini masalah yang besar ialah alat kelengkapan bomba tidak sejajar dengan perkembangan bangunan yang tinggi itu. Oleh kerana itu, apabila sahaja berlaku kebakaran, terutama di tingkat 10 ke atas, maka alat-alat pemadam tidak dapat disampaikan sebegini tinggi. Dengan sebab itu, kejadian kebakaran selalu tidak dapat dipadam. Bukti yang ternyata ialah kebakaran di Shopping Complex Campbell Kuala Lumpur sehingga sekarang ini bangunan yang tersergam begitu tinggi belum dapat digunakan lagi.

Saya suka mengesyorkan supaya Kerajaan meninjau dan menyelidik di bandar-bandar besar seperti di Singapura, Hongkong, London, New York, bagaimana keadaan kebakaran dapat dicegah pada bangunan-bangunan pencakar langit (sky-scrapers). Dengan cara ini, kita akan dapat mengawal kebakaran yang tidak diingini itu.

Tuan Pengerusi, Kepala Pembangunan P. 19, Pecahan-kepala 2—Rancangan Rekod-rekod Penting, muka surat 112 peruntukan tanda (token) sebanyak \$10.

Tuan Pengerusi, penyemakan rekod-rekod penting seperti Arkib Negara adalah sangat mustahak sebagai bahan-bahan sejarah yang boleh dibuat kajian oleh anak cucu kita. Bahan sejarah kita yang penting yang terdapat di Perpustakaan di negeri-negeri Barat, hendaklah dicari dan diikhtiar supaya dapat dikembalikan bahan-bahan sejarah tersebut kepada kita. Usaha-usaha hendaklah dibuat untuk mendapatkan rekod penting tersebut. Begitu juga rekod-rekod penting, seperti rakaman (tape recording) Peristiharan Kemerdekaan Tanah Melayu, Meminda Perlembagaan Persekutuan mengenai pemisahan Singapura, hendaklah juga disimpan. Rakaman bersejarah ini perlu disimpan yang saya kira sebagai satu bahan penting. Begitu juga dengan rakaman Penyerahan Wilayah daripada Kerajaan Selangor kepada Kerajaan Persekutuan, patutlah juga disimpan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepala Bekalan B. 20, Pecahan-kepala 1100, muka surat 114, Aktiviti (2) Percetakan dan Kepala Pembangunan P. 20 muka surat 119, Pecahan-kepala 2—Mesin dan Kelengkapan.

Tuan Pengerusi, sejak akhir-akhir ini percetakan Rang Undang-undang untuk dibentangkan di Dewan Rakyat adalah terlalu lambat. Kita tahu mereka bekerja mengikut peraturan (work to rule). Saya rasa Kerajaan hendaklah menyasiat akan sebab-sebab kelambatan menyiapkan percetakan Rang Undang-undang ini yang berhubung dengan Persidangan Parlimen sehingga terpaksa mencetak di percetakan swasta. Saya fikir tidak semuanya kakitangan yang terlibat dengan tuntutan elaun dan kenaikan gaji. Sekiranya tuntutan elaun mereka wajar (justified), maka Kerajaan hendaklah menimbangkannya.

Tiap-tiap tindakan kakitangan Kerajaan mengenai kerja mengikut peraturan, hendaklah sentiasa diawasi supaya tidak ada anasir-anasir subversif mengambil kesempatan hasil dari tindakan-tindakan mereka itu. Alat-alat penting negara, yang dikira sebagai perkhidmatan mustahak (essential services), hendaklah sentiasa diawasi dan dipandang berat.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya menyokong peruntukan ini.

4.24 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Kepala Pembangunan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah dengan menyentuh kepala B. 18, Pecahan-kepala 4100—Bayaran Pindahan, Pecahan-kepala 1—Balai Bomba dan Pecahan-kepala 2—Kereta-kereta Bomba, muka surat 108.

Sukalah saya memaklumkan bahawa di Bakar Arang sampai ke Tikam Batu telah di jadikan kawasan industri. Dan di sini terletak beberapa buah kilang kalau tidak silap saya sudah lebih 8 buah kilang yang didirikan di kawasan ini. Tetapi malangnya, hanya sebuah sahaja Balai Bomba dan sebuah kereta bomba yang ditempatkan di situ. Jadi sekiranya berlaku kebakaran, amatlah sedih kerana pada pendapat saya tidak bolehlah satu kereta bomba dengan sedikit kakitangan hendak memadamkan api di sesebuah kilang. Maka dengan ini, saya berharap pihak Kementerian ini memberi perhatian berat dan menambah beberapa buah kereta bomba dan alat kelengkapannya sekali untuk mencegah kebakaran di satu-satu masa.

Tuan Pengerusi, menyentuh kepada Kepala B. 16, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2). Di bawah perkara ini, saya harap Kementerian ini akan memberi perhatian kepada Majlis Daerah Kerajaan, Tempatan Sungai Petani dengan apa cara bantuan atau pinjaman supaya dapat diperbaiki jalan-jalan di bandar-bandar termasuklah memasang lampu jalan dan longkang dan parit-parit serta saluran-saluran najis. Jika kita perhatikan, banyak di dalam perbandaran dan Bandaraya sahaja, Kementerian ini meletakkan beberapa Kepala-kepala dan juga bantuan-bantuan, tetapi di peringkat Majlis Tempatan yang sekarang ini telah menjadi Majlis Daerah Kerajaan Tempatan, beberapa buah Lembaga Bandaran dan Majlis Tempatan, sekarang ini disatukan dengan dijadikan satu Majlis Kerajaan Tempatan yang besar dan di dalam peringkat-peringkat inilah kita harap Kementerian ini akan memberi segala kemudahan untuk membaiki bukan sahaja di luar bandar bahkan juga di dalam bandar. Di dalam mesyuarat peringkat Daerah di satu-satu Majlis Daerah, bila kita bercakap tentang membaiki jalan-jalan, kata Pegawai Daerah, ini termasuk di dalam Majlis Kerajaan Tempatan. Di pihak luar bandar bolehlah kita dapat peruntukan

peruntukan kecil daripada peringkat Kementerian, jadi dalam Majlis Kerajaan Tempatan mestilah dapat bantuan mengikut saluran-saluran yang tertentu, maka dengan sebab ini saya suka bangkitkan di sini oleh sebab banyak jalan-jalan kecil dalam bandaran dan juga lampu-lampu di bandar-bandar itu tidak ada, kadang-kadang akan diambil kesempatan oleh pihak gangster atau perompak-perompak, jadi kalaulah di satu-satu tempat itu gelap dengan tidak ada memasang lampu, maka kejadian-kejadian ini boleh berlaku dengan mudahnya. Maka dengan ini, saya harap pihak Kementerian ini akan memberi bantuan ataupun cara pinjaman kepada Majlis-majlis ini supaya perkara-perkara yang kita nampak kecil tadi akan dapat kita perbaiki lagi taraf kehidupan orang-orang di bandar dan juga di luar bandar.

Berkenaan dengan saluran najis, Tuan Pengerusi, di dalam sebuah perumahan yang dibuat oleh pihak swasta kadang-kadang apabila rumah-rumah itu siap, mereka itu akan tinggal begitu sahaja. Jadi saluran-saluran najis daripada rumah-rumah yang banyak tadi masuk ke kampung-kampung dan pada masa inilah orang-orang yang berdekatan dengan rancangan perumahan tadi akan jadi mangsa dengan bau-bauan yang busuk pada masa waktu makan dan kadang-kadang tidak tentu masa dibukakan saluran-saluran najis tadi dan pihak-pihak penduduk yang berdekatan akan menerima akibatnya. Maka dengan ini, saya berharap Kementerian ini dapat memberi arahan kepada Majlis Daerah Kerajaan Tempatan supaya saluran najis ini diperhatikan dan juga apabila pemaju-pemaju membuat saluran itu dengan tidak begitu baik, haraplah diperbaiki rumah-rumah yang tidak begitu baik dan masa mereka makan itupun tidak dapat makan dengan selesa.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya menyokong peruntukan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah ini.

4.29 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk Kepala B. 17, Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (4) Bahagian Perancangan Kawasan Bandar.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Bahagian Perancang Bandar, saya ingin merujuk kepada Pelan Induk bagi Kuala Lumpur.

Satu Pelan Induk yang baru dan teratur bagi Kuala Lumpur sudah lama ditunggutunggu. Mengikut ingatan saya, dalam tahun 1973 Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan yang dahulu ada menyatakan dalam Parlimen bahawa satu Pelan Induk Perancangan Bandar bagi Kuala Lumpur akan disiapkan dalam tahun 1974 atau 1975.

Tuan Pengerusi, pada tahun lalu, Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar juga menyatakan bahawa bantuan pakar-pakar akan diminta untuk menyiapkan Pelan Induk Baru bagi Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, kita sekarang sudah sampai ke akhir tahun 1976 dan ke ambang tahun 1977, tetapi Pelan Induk itu belum lagi nampak bayangannya. Saya suka minta Yang Berhormat Menteri menyatakan dengan tepat bilakah Kerajaan dapat menepati janjinya, untuk menghasilkan satu Pelan Induk yang baru bagi Kuala Lumpur. Yang Berhormat Menteri berkenaan patut memberikan satu jaminan yang tegas dalam Dewan ini mengenai hal ini.

Tuan Pengerusi, ketiadaan Pelan Induk yang baru dan teratur bagi Kuala Lumpur telah menimbulkan banyak masaalah yang berat yang melibatkan kehidupan lebih kurang 2,000 orang peniaga di Kuala Lumpur yang tidak diberikan lesen oleh Dewan Bandaraya atas alasan bahawa mereka melanggar peraturan Pelan Zoning (Pelan 1041) bagi Dewan Bandaraya.

Tuan Pengerusi, ada setengah-setengah daripada mereka yang telah diberi lesen itu atas alasan tahunan (on the annual basis) pula diberi notis pindah daripada kawasan kerana kawasan itu adalah kawasan kediaman. Dalam kedua-dua kes yang ini, notis pindah itu mengatakan bahawa peniaga-peniaga yang terlibat dikehendaki berpindah dalam tempoh 90 hari, dan jika mereka gagal pindah, maka tindakan mahkamah akan diambil terhadap mereka.

Hal-hal yang tersebut ini sebenarnya tidak patut berlaku kerana Pelan Zoning yang ada sekarang penuh dengan kesilapan dan kelemahan dan juga kerana peruntukan-peruntukan dalam Pelan Zoning itu masih tidak mencukupi.

Tindakan tidak patut diambil terhadap mereka kerana dalam tahun 1973, Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar telah mengaku secara terbuka akan kelemahan-kelemahan yang ada dalam Pelan Zoning itu dan telah mengarahkan Pentadbiran Dewan Bandaraya supaya jangan mengambil tindakan terhadap peniaga-peniaga itu. Tindakan oleh Jabatan Perancang Dewan Bandaraya untuk mengeluarkan notis pindah kepada peniaga-peniaga itu telah menimbulkan keadaan resah dan merunsingkan di kalangan sektor perniagaan.

Saya menyeru pihak Yunit Penguatkuasa Bahagian Perancangan Bandar, Dewan Bandaraya supaya memberhentikan dengan segera tindakan penguatkuasa di bawah Akta Perancangan Bandar seperti yang ada sekarang, sehingga sampai masanya apabila satu Pelan Induk yang baru dan teratur bagi Kuala Lumpur itu dikemukakan dan dilaksanakan. Saya menyeru Yang Berhormat Menteri supaya memandang berat perkara ini terutama sekali apabila keadaan yang sedemikian ini melibatkan lebih daripada 2,000 orang peniaga di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh mengenai Kepala P. 16, Pecahan-kepala 21 mengenai Taliair, muka surat 100.

Tuan Pengerusi, sistem parit taliair di Kuala Lumpur pada hari ini adalah tidak begitu memuaskan. Kerap kali terdapat hujan lebat di Kuala Lumpur, beberapa jalan di pusat Bandaraya Kuala Lumpur dinaiki air. Dan apabila banjir berlaku, timbul masaalah kesesakan lalulintas.

Sudah sampailah masanya untuk pihak Dewan Bandaraya dan juga Jabatan Parit dan Taliair untuk mengambil langkah-langkah bersama untuk memperbaiki sistem parit Kuala Lumpur dan juga untuk mengurangkan banjir-banjir terkejut (flash flood) yang berlaku di Bandaraya Kuala Lumpur. Dalam pada ini, ingin saya menyeru supaya peruntukan yang lebih banyak diberikan kepada Dewan Bandaraya untuk membaiki sistem parit dan bukan sebagaimana sekarang di mana wang tanda atau token sebanyak \$10 diperuntukkan.

Saya juga menyeru pihak Dewan Bandaraya memerhatikan dengan rapi kerja-kerja "earth works" yang dijalankan di seluruh Bandaraya Kuala Lumpur yang mungkin akan mengakibatkan hakisan dan mengakibatkan banjir.

Sekarang saya ingin menyentuh sedikit mengenai Kepala P. 16, Pecahan-kepala 16—Pasar Borong, Utara dan Iatan.

Atas perkara pasar borong, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai keadaan-keadaan dalam semua pasar di dalam Wilayah Persekutuan.

Keadaan-keadaan dalam semua pasar yang ada di dalam Wilayah Persekutuan hari ini adalah sangat tidak memuaskan jika ditinjau dari segi kesihatan dan perniagaan. Pasar-pasar ini tidaklah dibersihkan oleh pekerja-pekerja dengan memuaskan, mereka tidak diberikan kemudahan-kemudahan yang baik untuk menolong peniaga-peniaga dalam pasar untuk menjalankan perniagaan mereka. Saya menyeru Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya memperhatikan perkara ini dan mengarahkan Dewan Bandaraya memperbaiki keadaan-keadaan dalam pasar ini dengan secara radikal.

Saya juga menyeru kepada Dewan Bandaraya untuk mempertimbangkan dengan seriusnya bagi mengurangkan sewa-sewa kepada gerai-gerai yang ada dalam pasar itu, kerana sewa yang dibayar sekarang adalah sangat tinggi dan juga mereka sedang menghadapi persaingan (competition) yang hebat dari golongan penjaja di tepi jalan. Sekiranya pihak yang berkuasa tidak bersedia untuk mengurangkan sewa-sewa gerai itu, maka ia haruslah menggunakan sewa-sewa ini untuk memperbaiki keadaan yang ada di dalam pasar-pasar.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Sekarang saya ingin merujuk sedikit kepada Kepala B. 16, Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (2) mengenai Perkidmatan kepada Kerajaan Tempatan. Di sini saya ingin menyentuh masalah sewa rumah yang melambung tinggi di Bandaraya Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Tuan Pengerusi, penghuni-penghuni di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya hari ini menghadapi masalah kenaikan sewa oleh tuan-tuanpunya rumah yang tidak adil dan munasabah. Penghuni-penghuni yang terlibat tidak mempunyai sebarang perlindungan apabila mereka diberi notis yang menghendaki mereka membayar sewa yang lebih tinggi. Penghuni-penghuni yang teruk terjejas ialah mereka yang mempunyai keluarga yang

besar dan datang dari golongan berpendapatan rendah. Apabila penghuni-penghuni tidak mampu membayar sewa yang tidak munasabah ini mereka disuruh pindah keluar atau menghadapi tindakan mahkamah. Saya berharap bahawa Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan akan memberi perhatian yang berat kepada perkara ini dan akan mempertimbangkan serta mengemukakan Rang Undang-undang untuk memperluaskan penghuni-penghuni ini.

Izinkan saya mencadangkan di sini bahawa Akta Kawalan wa 1966 telah ketinggalan zaman (out of date) dan patutlah dikaji semula dengan tujuan menyesuaikan dengan keadaan-keadaan pada masa ini. Akta itu mestilah dijadikan dengan lebih berkesan untuk melindungi penghuni-penghuni rumah dari golongan berpendapatan rendah. Dalam hubungan ini saya menggesa Jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mengkaji semula Akta Kawalan wa 1966 supaya menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan dan membuat syor-syor untuk menentukan bagaimana penghuni-penghuni tidak dieksploitasikan oleh tuan-tuanpunya yang selalu mencari alasan untuk menaikkan sewa yang tidak adil dan munasabah ini. Ingin saya menyatakan di sini ialah dalam pandangan saya masalah kenaikan sewa yang tidak adil akan tidak timbul sekiranya Kerajaan dapat membina rumah-rumah kos rendah yang cukup untuk memenuhi a pirasi dan kehendak-kehendak golongan yang berpendapatan rendah.

Akhirnya ingin saya menyentuh mengenai Kepala B. 18, Pecahan-Kepala 1100, Aktiviti (2) mengenai Pencegah Kebakaran. Atas perkara Pencegah Kebakaran izinkan saya menyentuh kepada kebakaran Kompleks Campbell yang berlaku pada bulan April tahun ini di Kuala Lumpur. Selepas kebakaran itu Kerajaan ada mengumumkan penubuhan sebuah Jawatankuasa yang terdiri daripada 12 orang untuk menyiasat kebakaran itu dan mengemukakan syor-syor kepada Kerajaan untuk pertimbangannya. Selepas lapan bulan berlakunya kebakaran itu dan selepas 7 bulan tertubuhnya Jawatankuasa Kerajaan ini tetapi hingga baru-baru ini tidak seorang pun yang mengetahui apa yang berlaku kepada Jawatankuasa 12 orang ahli ini. Tuan Pengerusi, hanya tiga hari yang lepas Yang Berhormat

Menteri yang berkenaan ada berucap apabila Yang Berhormat Menteri melawat ke Balai Bomba Jalan Shaw, Kuala Lumpur yang mana Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa Jawatankuasa telah menyiapkan kajiannya dan tidak lama lagi akan diserahkan kepada beliau untuk dirujuk kepada Kabinet. Saya rasa amat dukacita bahawa sepanjang masa ini orang ramai tidak diberitahu tentang berapa kali Jawatankuasa ini telah bermesyuarat, apa yang diperbincangkan, apakah rekomendasi-rekomendasi yang telah dibuat dan bilakah satu laporan disiapkan dan diumumkan untuk pengetahuan orang ramai. Semua persoalan-persoalan yang mustahak ini adalah perlu diketahui oleh orang ramai yang sebenarnya mereka berhak untuk mengetahuinya. Biarlah saya menegaskan di sini bahawa kebakaran Kompleks Campbell hendaklah diperhatikan dengan seriousness dan penyiasatan kepada kebakaran ini haruslah diberi keutamaan. Ini adalah disebabkan kebakaran Kompleks ini telah memperlihatkan keseluruhan masalah keselamatan di dalam bangunan-bangunan yang bertingkat-tingkat melangit tingginya. Pada masa ini banyak bangunan-bangunan yang tinggi muncul di Bandaraya Kuala Lumpur. Maka pengajaran kebakaran Kompleks Campbell yang pahit ini bolehlah dipelajari oleh kita supaya trajidi ini tidak akan berlaku lagi di negara kita.

Saya ingin sekali lagi mengulangi di sini bahawa dalam pandangan saya hanyalah sebuah Suruhanjaya Penyiasatan di Raja yang bebas barulah dapat berkesan untuk menyiasat kepentingan ertinya kebakaran Kompleks Campbell ini. Oleh yang demikian saya menyeru kepada Kerajaan untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Di Raja untuk menjalankan penyiasatan yang menyeluruh terhadap kebakaran itu. Pada waktu ini saya ingin menyeru kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya mempercepatkan pembentangan Laporan Siasatan Jawatankuasa Kerajaan terhadap kebakaran Kompleks Campbell kepada orang ramai untuk pengetahuan mereka.

Saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk meminta Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan setakat ini untuk membolehkan Jabatan Bomba memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan dan positif untuk melawan

sebarang kebakaran yang mungkin berlaku di Bandaraya kita khasnya di bangunan-bangunan yang bertingkat-tingkat tingginya.

4.45 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkaitan dengan Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan ini sedikit iaitu pada muka surat 99, Pecahan-kepala 1 berkenaan Pemberian untuk Projek-projek Kawasan Bandar dan Majlis Tempatan.

Tuan Pengerusi, saya nampak peruntukan yang diberi ini terlampau sedikit jika dibandingkan dengan Majlis-majlis Bandaran ataupun Tempatan yang ada di seluruh negara kita ini. Saya ingin mengambil perhatian berkaitan dengan Majlis Perbandaran dan Majlis Tempatan yang ada di sekitar negara kita ini khasnya di tempat-tempat yang kecil iaitu di kawasan-kawasan di Pantai Timur di mana peruntukannya terlampau sedikit dan selalu benar sulit untuk menjalankan projek-projek. Jadi saya harap kalau boleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berusaha supaya peruntukan ini ditambah lagi pada masa yang akan datang kerana ini memandangkan kehendak-kehendak ataupun rancangan-rancangan dibuat oleh Majlis-majlis Perbandaran dan Majlis-majlis Tempatan di seluruh negeri ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut sedikit berkaitan dengan muka surat 100—Bandaraya Kuala Lumpur, walaupun saya bukan wakil dari Kuala Lumpur tetapi saya selalu berada di Kuala Lumpur. Saya lihat perkara-perkara yang kurang menyenangkan, saya minta Yang Berhormat mengambil perhatian iaitu berkaitan dengan jejambat. Saya nampak jejambat. . .

Tuan Pengerusi: Apa namanya?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Jejambat.

Tuan Pengerusi: Jejambat?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Jambatan di atas jalan.

Tuan Pengerusi: Jambatan tidak berjalan?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Jambatan di atas jalan.

Tuan Pengerusi: Oh! saya ingatkan jambatan tidak berjalan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Kalau tidak salah saya ialah jejambat. Saya tengok bandar Kuala Lumpur sekarang telah penuh dengan manusia dan sekarang rancangan untuk memudahkan kenderaan-kenderaan yang banyak, dengan lebuh raya-lebuh raya di Petaling Jaya dan sebagainya, tetapi hendaklah pihak Kementerian yang berkenaan ingat kepada orang yang berjalan kaki; jangan kita asyik utamakan kepada orang yang ada motokar, ada bas atau kenderaan sahaja, tetapi orang yang berjalan kaki kena ingat juga kerana saya nampak seluruh Bandaraya ini terlampau sedikit jejambat. Misalnya, di Jalan Tun Perak tidak ada, di Jalan Pekeliling tidak ada, saya lihat anak-anak ataupun budak-budak sekolah ataupun orang-orang yang hendak menyeberang jalan, memang susah benar, kadang-kadang terpekik-pekik, bertarik-tarik. Jadi ini kalau kita bandingkan dengan setengah-setengah bandar yang lain yang saya pernah lihat tidak begitu, Tuan Pengerusi, banyak jejambatnya. Jadi orang-orang lalu, orang-orang yang berjalan kaki, budak-budak sekolah senang tidak teruk sebagaimana yang ada di Bandaraya Kuala Lumpur ini. Saya harap kalau boleh banyakkkan sedikit jejambat ini, terutama saya tengok di Jalan Tun Perak, di Jalan Tun Perak itu hanya dekat dengan Lebuh raya Pudu sahaja yang ada. Flat di Jalan Pekeliling itu tidak ada untuk budak-budak pergi ke sekolah. Di Jalan Gurney itu memang tidak ada. Ini susah benar, Tuan Pengerusi. Jadi saya harap pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ambil perhatian kalau tidak boleh buat jejambat yang besar-besar, yang berharga mahal, buatlah dengan harga yang murah. Kalau hendak buat jejambat yang berharga berjuta-juta agaknya susah juga hendak buat peruntukan tetapi buatlah yang berharga murah demi kepentingan orang-orang yang berjalan kaki. Ini perhatian saya, Tuan Pengerusi.

Selain daripada itu, saya minta pihak Dewan Bandaraya ini tolong merancangkan sedikit berkenaan dengan flat-flat yang ada di sekitar bandar kita ini disediakan satu surau tempat sembahyang kerana sekarang

ini nampaknya tidak ada perkara seperti itu berlaku sedangkan di sebuah flat ini sahaja beribu-ribu orang penghuni, mereka terpaksa pergi ke satu tempat sahaja. Misalnya, kalau di daerah Kampung Bahru itu pergi ke mesjid Kampung Bahru sahaja. Sepatutnya di tiap-tiap satu flat ada surau untuk mereka sembahyang. Saya tengok ada negeri-negeri lain yang telah membuat rancangan seperti ini, kalau flat itu tinggi, di satu bahagian floornya diletakkan satu surau di mana orang-orang yang hendak sembahyang berjumaah boleh ke situ, bukan sembahyang berseorangan; kalau sembahyang berseorangan boleh di rumah, Tuan Pengerusi.

Yang ketiga, saya ingin menyebutkan berkaitan dengan pembinaan sebuah gereja di Seksyen 14 yang dibina di atas tanah yang bukan direserve untuk gereja. Saya minta pihak Yang Berhormat Menteri tolong menyiasat perkara ini oleh kerana ada protest daripada penduduk-penduduk tempatan berkaitan dengan hal ini. Ini perlu diambil perhatian kerana peraturan-peraturan orang di sekitarnya tidak memuaskan.

Selain daripada itu, saya ingin menyenbuh berkait dengan muka surat 103 berkenaan dengan Perancang Bandar dan Desa. Namanya bagus—Perancang Bandar dan Desa. Saya gembira dengan meletak nama desa itu, cuma saya berharap kepada pelaksanaan (implement) desa-desa ini, khasnya desa-desa di kawasan saya, misalnya, desa-desa yang ada di sekitar kampung nelayan ataupun kampung-kampung lama memang banyak benar. Saya mendengar dalam huraian daripada Yang Berhormat Menteri ada merancang hendak membuat rancangan-rancangan seperti ini. Kalau rancangan itu dapat dilaksanakan saya rasa cukup gembira. Saya beri contoh misalnya, di kawasan saya kawasan Seberang Pintas, kawasan Merchang, kawasan Marang dan di mana-mana, kawasan ini adalah kawasan nelayan, keadaan penduduknya tidak memuaskan. Kalau boleh pihak Perancang Bandar dan Desa ini menguruskan supaya dapat dijalankan dengan lebih baik lagi.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya ingin mengingatkan supaya kajian-kajian yang diserah kepada Majlis Jemaah Bandaran harus disegerakan sedikit. Misalnya, Jemaah Bandaran Dungun telah menyerahkan kepada pihak perancang ini supaya mengkaji bagaimana pengaliran air

di situ dapat dilaksanakan. Demikian juga Jemaah Bandaran Marang menyerahkan rancangannya untuk membuat kajian bagaimana dapat dibesarkan Jemaah Bandaran itu. Sehingga ini sudah berapa tahun belum dapat kelulusan. Saya harap pihak yang berkenaan tolong perhatikan sedikit bandar-bandar kecil ini supaya mereka tidak ketinggalan.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada sedikit perkara lagi iaitu muka surat 106 berkenaan dengan Perkhidmatan Bomba. Saya merasa gembira benar dan mengucapkan terima kasih serta menyokong dan memuji kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah berjaya mencantumkan seluruh Perkhidmatan Bomba yang ada di negara ini di bawah satu perkhidmatan yang dikendalikan oleh Kerajaan Persekutuan. Saya rasa beberapa kelemahan di masa yang lalu disebabkan oleh Perkhidmatan Bomba ini yang dahulunya di bawah Kerajaan Negeri, dan insya Allah, apakala diletakkan di bawah Kerajaan Persekutuan mungkin akan dapat dibaikki sedikit. Saya memang merasa tidak puas hati dengan perjalanannya di masa lalu di mana banyak kebakaran telah berlaku di negara kita yang mana untuk memadamnya memang kurang berjaya. Saya bersetuju kalau dapat dikawal daripada melarat di tempat lain tetapi untuk memadam di tempat kebakaran itu kebanyakannya kurang berjaya. Saya harap pada masa yang akan datang setelah perkhidmatan ini diletakkan di bawah Kerajaan Persekutuan, insya Allah, ianya akan lebih berjaya.

Kedua, latihan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan hendaklah dikuatkan lagi supaya kepercayaan orang ramai kepada Jabatan Bomba kita lebih baik lagi.

Tuan Pengerusi, akhirnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini kerana ada memperuntukkan Perpustakaan Awam dan saya dengar daripada Yang Berhormat hendak memberi sedikit wang kepada Kerajaan Negeri ataupun di mana-mana negeri yang merancang untuk mengadakan perpustakaan. Saya harap peruntukkan diberi juga kepada tempat saya bagi kepentingan orang ramai di mana mereka hendak menggalakkan pembacaan ataupun membaca buku-buku untuk menambah pengetahuan mereka. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada peruntukan ini, tetapi saya rasa kalau boleh pada masa yang

akan datang ditambahkan sedikit lagi kerana mungkin ramai orang yang meminta tetapi peruntukan tidak cukup. Perpustakaan ini baik benar kerana menambahkan pengetahuan di kalangan orang ramai dan juga kalangan rakyat kita.

Akhirnya, saya bersetuju dengan peruntukkan ini.

4.55 ptg.

Tuan Oo Gin Sun (Alor Star): Tuan Pengerusi, saya bercakap sedikit di bawah Kepala Pembangunan 16, Pecahan-kepala 1—Pemberian untuk Projek-projek di kawasan Bandar dan Majlis Tempatan, dan B. 16, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan di bawah Kepala Kecil berkenaan peruntukannya ialah sebanyak \$1,000,000 bagi tahun 1978-1980. Sungguhpun kita semua sedar bahawa dalam Dewan ini ada satu jawatan-kuasa akan ditubuh seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri dari Jabatan Perdana Menteri yang akan melihat dengan lebih teliti kerja-kerja Majlis Tempatan. Tuan Pengerusi, saya rasa bahawa pemberian-pemberian yang telah ditetapkan bagi tahun 1976-1980 adalah terlalu kecil memandangkan bahawa ada terlalu banyak kawasan Majlis-majlis Bandaran dan Majlis-majlis Tempatan di Malaysia.

Kita semua sedar bahawa semua Majlis-majlis Bandaran dan Majlis-majlis Tempatan tidak dapat menjalankan fungsinya dengan sempurna oleh sebab kekurangan kewangan. Untuk memburukkannya lagi, kawasan Majlis-majlis Bandaran dan Majlis-majlis Tempatan telahpun diperbesarkan lagi sungguhpun bilangan pegawai-pegawai tidak berubah. Saya mengambil Majlis Bandaran Alor Setar sebagai contoh. Kawasan Majlis Bandaran Alor Setar telahpun diperbesarkan dan menyelubungi seluruh mukim Kota Setar dan sekarang dipanggil Majlis Kerajaan Tempatan Kota Setar. Sungguhpun kawasan Majlis Bandaran Alor Setar telah diperbesarkan akan tetapi bilangan kakitangan-kakitangan yang bertugas dengan Majlis ini tidak berubah. Ini mengakibatkan kekurangan kakitangan-kakitangan di tiap-tiap bahagian Majlis ini. Kita tidak ada kakitangan-kakitangan yang mencukupi di

bahagian penerimaan pembayaran hasil dan di bahagian mengumpul dan membuang sampah. Kita tidak ada kerani-kerani yang mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja pentadbiran. Majlis ini tidak ada peruntukan kewangan yang mencukupi untuk membeli kenderaan-kenderaan memungut sampah atau alat-alat untuk membaiki dan menyelenggara jalan-jalan. Sampah-sarap ditinggal selama beberapa hari dalam bandar sebelum ia dipungut untuk dibuang. Jalan-jalan di-penuhi dengan lubang-lubang selama beberapa bulan tanpa dibaiki ataupun dibaiki dengan tidak sempurna. Apabila pengaduan pengaduan dibuat oleh orang-orang awam melalui Ahli-ahli Parlimen, Majlis ini tidak dapat melayan pengaduan-pengaduan itu. Kadangkala kita diberitahu bahawa jalan jalan itu bukanlah jalan-jalan di bawah pengelolaan Majlis tetapi adalah di bawah kelolaan Negeri dan pihak-pihak yang menyelenggarakan jalan-jalan itu ialah Kerajaan Negeri dan kadangkala kita diberitahu bahawa jalan-jalan itu ialah jalan-jalan Kerajaan Persekutuan dan segala pengaduan-hendaklah dimajukan kepada pihak Kerajaan Persekutuan. Penduduk-penduduk tidak mengambil berat tentang pembahagian kerja di antara pihak-pihak ini. Apa yang mereka tahu ialah bahawa Kerajaan sekarang ialah Kerajaan Barisan dan mereka harap akan diberi kemudahan-kemudahan oleh sebab mereka telah dan sedang membayar segala cukai.

Kita, sebagai Ahli-ahli Parlimen, mendapati sukar hendak menerangkan perkara ini. Bagi memburukkan lagi kedudukan ini Majlis ini tidak mempunyai akitek-akitek ataupun jurutera-jurutera sendiri untuk mengendalikan pembangunan di Kawasan Bandaran. Mereka terpaksa bergantung kepada Perancang Bandar ataupun Jurutera Negeri. Pelan-pelan yang dipersampaikan ke pihak Majlis Bandaran mengambil masa bertahun-tahun sebelum diluluskan oleh sebab Perancang Bandar dan Jurutera terpaksa memberi perhatian ke bahagian pembangunan seluruh negeri. Kelewatan yang tidak harus diadakan ini telahpun menyekat pembangunan bandar ini. Kerajaan merayu bahagian swasta memberi sumbangan untuk mempercepatkan pembangunan bagi menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga akan tetapi jentera Kerajaanlah yang melambatkan pembangunan. Saya harap Kerajaan dapat mengambil langkah-langkah yang

positif dan yang berkesan untuk mengatasi masalah-masalah ini supaya bahagian Swasta dapat memainkan peranan mereka membantu Kerajaan menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bercadang kita tamatkan perbahasan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan pada hari ini juga seberapa awal yang boleh, kalau tidak saya bercadang hendak menjemput Yang Berhormat menjawab pada pukul 6.00 tepat. Ada satu jam sahaja lagi dari sekarang untuk Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap dan saya nampak ada empat orang lagi yang hendak bercakap. Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

5.03 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun hendak menarik perhatian atas dua tiga perkara di bawah Kepala P. 16 iaitu muka surat 100 Pecahan-kepala 18, Pusara Negara. Saya rasa ini adalah satu perkara baharu dan diucapkan tahniah kepada Kerajaan kita yang telah dapat mengadakan satu pusara negara. Harapan kita ialah supaya pihak Kerajaan akan dapat menjaga pusara ini dengan sempurna dan daripada pusara negara ini juga saya berharap melalui Kementerian ini dapat menasihatkan Kerajaan Negeri pun mengadakan pusara di tiap-tiap negeri, kerana dalam negara kita ini banyak pahlawan-pahlawan, yang telah mengorbankan nyawa, tenaga dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Ini termasuk di bawah Pecahan-kepala mana?

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Pusara Negara.

Tuan Pengerusi: Pusara negara itu, adakah peruntukannya?

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Ada, di muka surat 100, Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 18.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sila teruskan.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Pada hari ini kita perhatikan terutama sekali

kubur-kubur orang Islam di negeri dan di daerah terlampau buruk rupanya, tidak tersusun dan kita tidak mahu lagi banyak kubur-kubur ini menjadi tempat orang menurun hendak tikam ekor, oleh itu selalu orang menggunakan tempat ini. Jadi, oleh sebab pusara ini dari segi ugama apa sekali pun menganggap satu tempat yang terhormat, maka saya berharap pihak Kerajaan mengambil berat, bukan sahaja di peringkat pusat bahkan juga melalui Kerajaan Pusat dapat menasihatkan Kerajaan-kerajaan Tempatan di negeri-negeri dan daerah-daerah mengambil alih kedudukan kubur ataupun pusara yang ada di dalam negara kita ini demi untuk menjaga nama baik dan keadaan untuk faedah panduan kepada jenarasi kita yang akan datang.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kepada Kepala P. 18. Walaupun perkara ini telah banyak dicakapkan tetapi satu perkara sahaja yang hendak saya terangkan iaitu masalah Bomba, muka surat 108 iaitu Bahagian Latihan. Dahulu kita pernah dengar iaitu ada di antara kakitangan Bomba kita apabila berlatih jatuh mati kerana alat-alat (testing equipment) yang mereka gunakan dalam ujian tidak dijaga dan telah buruk. Jadi, saya berharaplah pihak Kementerian mengambil berat dalam perkara ini. Tadi kita juga telah mendengar beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat menerangkan masalah pencegahan kebakaran ini kalau sesuatu perkara berlaku kita salahkan orang Bomba ataupun Kerajaan menerima segala ancaman daripada orang ramai, tetapi adakah pernah pihak Kerajaan memikirkan, latihan-latihan yang diberi kepada kakitangan Bomba ini, alat-alatnya, kelengkapannya adakah sesuai lagi atau tidak dalam keadaan sekarang ini. Kita tidak mahulah negara kita ini telah membuat bangunan sampai mencakar langit tetapi alat-alat bagi mencegah kebakaran tidak seimbang, tidak selaras dan saya sangat berasa sedih dan di sini saya merayu kepada Menteri Kewangan, saya nampak peruntukan untuk Bomba dalam tahun 1977 dan begitu juga keseluruhan 5 tahun Rancangan Malaysia Ketiga amat tidak sesuai dan berkurangan. Saya berharap sangat supaya perhatian berat diberi kepada bahagian Bomba ini di seluruh negara kita terutama sekali di dalam bandaraya. Begitu juga untuk menjaga keselamatan di masa hadapan

pekerja-pekerja, kakitangan dan pegawai-pegawai Bomba hendaklah dilengkapi dengan alat-alatan dan hendaklah diberi latihan yang sesuai serta gaji mereka itu pun diberikan perhatian. Sebab, pada hari ini walaupun mereka diberikan tempat tinggal di dalam bandar tetapi pendapatan mereka itu adalah terlampau rendah kalau dibandingkan dengan jabatan-jabatan ataupun kakitangan-kakitangan yang berpakaian seragam. Gaji kakitangan Jabatan Bomba ini, terlampau rendah, dan ini akan melemahkan moral mereka. Walaupun kerja mereka itu tidak nampak tetapi ada ketika-nya mereka ini menggadai nyawa untuk menjalankan tugas.

Tuan Pengerusi, akhirnya ada satu masalah lagi yang penting juga selalu orang ramai terlupa dan tak nampak ialah Jabatan Percetakan Kerajaan. Tadi Wakil dari Tumpat telah menerangkan bagaimana bahan-bahan untuk Parlimen ini lewat. Ini juga saya minta kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberikan perhatian. Saya tahu sangat melalui pengalaman iaitu Jabatan Percetakan Kerajaan ini ada di antaranya mempunyai alat-alat kelengkapan yang 20 tahun terbelakang. Kalau hendak suruh dan didesak juga, dia buat; kononnya mestilah seimbang dengan percetakan moden yang ada tetapi alat-alatnya tidak cukup. Di sini saya tengok peruntukannya pun sangat berkurangan. Kelengkapan sangat tidak mencukupi iaitu di muka surat 119, Pecahan-kepala 2, Mesin dan Kelengkapan untuk tahun 1977 \$2,083,000. Mesin cetak pada hari ini kalau hendak beli yang baik satu yunit harganya lebih kurang \$500,000. Ini boleh beli 4 yunit sahaja, hendak buat apa? Saya berharap sangatlah, kepada Perbendaharaan supaya memberi peruntukan yang lebih terutama sekali membeli kelengkapan untuk mesin cetak. Percetakan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara, kerana kalau mutu percetakan ini tidak baik, lambat dan lembab kurangnya orang ramai mengetahui. Begitu juga arahan-arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan untuk mempercepatkan pembangunan negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini cuma terpulang kepada sejauh mana kuasa-kuasa ataupun kecukupan daripada Jabatan Percetakan Kerajaan. Kita tahu segala arahan-arahan ini adalah dianggap sebagai rahsia maka melalui Jabatan Percetakan Kerajaan sahaja

lah dapat disalurkan. Maka sebab itulah alat-alat kelengkapan dalam Jabatan Percetakan Kerajaan ini amat penting.

Tuan Pengerusi, di sini ingin saya mengesyorkan kepada Kerajaan untuk mengelakkan supaya rahsia-rahsia, arahan-arahan Kerajaan dan sebagainya tidak terkeluar dari Bahagian Percetakan hendaklah jangan dibuat di luar. Jabatan Percetakan Kerajaan walaupun sekarang ini telah ada percetakan keselamatan) (security printing) tetapi tidak mencukupi dan saya rasa patut ditambah lagi. Begitu juga kedudukan pekerja-pekerjanya. Bahagian Percetakan, Tuan Pengerusi, berkehendakkan pekerja-pekerja yang mahir, yang berpengalaman. Kerajaan tidak boleh menganggap pekerja-pekerja di dalam Bahagian Percetakan ini serupa seperti pekerja-pekerja di mana-mana fakteri. Ini berlainan. Dia berkehendak kemahiran dan boleh berfikir dan pandai menyusun perkataan dan boleh menyimpan rahsia. Memandangkan kedudukan mereka berlainan dengan pekerja-pekerja dalam kilang-kilang yang lain saya mencadangkan supaya Jabatan ini diberikan perkakas dan pekerja-pekerja ini dilarang menjalankan sebarang tindakan seperti bekerja mengikut peraturan ataupun tindakan "go slow" yang dijalankan baru-baru ini ataupun mengambil tindakan mogok. Saya tidak tahu apakah technical term yang digunakan iaitu Jabatan ini hendaklah dianggap sebagai sebuah Jabatan yang khas yang mana pekerja-pekerjanya tidak berhak menjalankan sebarang tindakan atau bercampur dengan mana-mana trade union dan sebagainya.

5.11 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, saya ingin menyentuh Kepala B. 16, Pecahan-kepala 2900, Aktiviti (1) dan (2), muka surat 99.

Dalam perbahasan yang terdahulu daripada ini Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh mengenai Akta Kawalan Sewa, 1966. Saya juga ingin bercakap sepatah dua dalam hal Akta Sewa, 1966 ini. Sudah 10 tahun Akta ini digubal dan diluluskan tetapi hingga hari ini kuatkuasanya tidak dapat dilaksanakan. Ini

sangatlah menghairankan kita semua, lebih-lebih lagi orang-orang yang terlibat dengan Akta ini.

Akta Kawalan Sewa, 1966 ini salah satu daripada tujuannya ialah untuk membatalkan Kawalan Sewa, 1948 yang telah digubal semasa penjajah dahulu. Banyak rumah-rumah terutama dalam bandar besar di Pulau Pinang sendiri tidak kurang daripada 9,000 buah rumah terlibat dengan Akta ini. Rumah-rumah lama, bangunan kedai, rumah-rumah perniagaan ini diberi sewa kepada pekedai-pekedai dalam kadar sewa yang lama. Ada kedai yang hari ini sewanya \$20 sebulan, \$30 sebulan dalam bandar ini pada hal kedai yang di sebelahnya yang baru dibangunkan sewa kedainya \$250 sebulan. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar menyatakan pihak tuan-punya rumah atau tuan-punya kedai ini menindas orang-orang yang menyewa. Itu di sebelah pihak. Untuk hendak memberi keadilan kita kena lihat pula di sebelah pihak tuan-punya rumah itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada baca suratkhbar pagi tadi?

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ya, saya ada baca dan saya dapati banyak aduan-aduan yang saya terima mengatakan Kerajaan barangkali tidak tegas menjalankan Akta ini. \$20 sebulan sewa, Tuan Pengerusi, pada hal ada tempat lain sewanya sehari \$20 tetapi ini sebulan, dia hendak bayar hasil atau cukai kedai itupun tidak memadai. Maka berlakulah perselisihan antara orang yang menyewa dengan tuan-punya bangunan hingga berlarut-larutan sampai ke mahkamah tetapi hingga hari ini banyak lagi kes-kes yang mengenai sewa ini belum dapat diselesaikan lagi. Apa yang menyakitkan lagi pihak tuan-punya rumah ini sudahlah orang yang menyewa itu bayar hanya \$20 atau \$30 sebulan, dia bagi sewa kepada orang lain dan dia dapat untung berkali ganda—\$300, \$400 sewa bilik-bilik bangunan yang dia sewakan, berkali ganda dia dapat untung. Inilah yang paling menyakitkan pihak tuan-punya-tuan-punya bangunan-bangunan.

Saya berdiri di sini, Tuan Pengerusi, bukanlah bertujuan hendak membela tuan-punya rumah tetapi ialah untuk memper-katakan, untuk menengok atau melihat keadilan ini berlaku dalam negara kita. Itu

tujuan saya, bukan tujuan untuk membela mana-mana pihak. Kita akan membela mana-mana pihak juga kalau pihak itu tertindas. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi menyatakan pihak penyewa yang tertindas tetapi saya akan ceritakan pula pihak tuanpunya yang di-tindas oleh pihak penyewa.

Satu lagi perkara, Tuan Pengerusi, sudahlah sewa itu rendah dan apabila sampai atau cukup tempoh sewaan itu pihak tuanpunya meminta orang yang menyewa itu keluar tetapi dia tidak mahu keluar, dia berkeras, dia ambil loyar. Perkara ini belarut-larutan sampai 7-8 tahun tidak keluar juga pihak penyewa itu. Inilah perkara yang menjadi masalah yang sentiasa berlaku. Saya harap perkara ini kalau kita biarkan saya fikir ini boleh menimbulkan masalah sosial yang semakin hari semakin buruk, boleh berlaku pergaduhan dan sebagainya.

Saya menyokong penuh Menteri yang berkenaan mengambil tindakan yang tegas supaya Jawatankuasa yang dilantik itu menyegerakan perlaksanaan Undang-undang ini. Kalau boleh kita pinda mana-mana yang difikirkan ada loop-hole dalam Undang-undang ini dan Akta Kawalan Sewa, 1966 ini kita pinda dan boleh meliputi seluruh bandar-bandar di negara kita, bukan setakat bandar Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Ipoh, Melaka dan sebagainya. Ini memerlukan kepada seluruh negara kita sebab negara kita hari ini membangun di semua tempat, bukan setakat bandar-bandar ini sahaja.

Tuan Pengerusi, dalam Kepala yang sama saya juga suka menyentuh tentang penggunaan Bahasa Malaysia di papan-papan nama kedai. Saya rasa sangat sedih, sudah 20 tahun kita merdeka, tetapi penggunaan Bahasa Malaysia kita ini tidak diberi tempat yang sewajarnya. Saya harap pihak Kementerian ini akan mengambil daya-utama, mengambil inisiatif supaya menjalankan kempen. Saya tidak menyalahkan pihak pekedai-pekedai kerana tidak menggunakan Bahasa Malaysia pada papan nama, tetapi saya harap pihak Kementerian akan datang menjalankan satu dayausaha, menjalankan kempen, cari jalan supaya pekedai-pekedai ini dengan sukarela menggunakan Bahasa Malaysia di papan-papan nama kedai mereka.

Tuan Pengerusi, ada satu perkara lagi iaitu Kepala B. 17 mengenai Perancang Bandar dan Desa, muka surat 103, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) hingga (4). Tujuan utama Perancang Bandar ini ialah memperbaiki sekitar perancangan untuk kawasan-kawasan kediaman di bandar dan di luar bandar. Dalam hubungan ini saya suka menyentuh mengenai padang-padang permainan, kawasan-kawasan lapang yang telah diuntukkan dalam projek-projek perumahan terutamanya sekali perumahan-perumahan swasta. Tiap-tiap projek yang dibuat oleh pemaju-pemaju perumahan swasta ini ada diuntukkan satu kawasan lapang yang bertujuan untuk dijadikan padang permainan dan sebagainya. Banyak aduan yang saya terima bahawa padang-padang yang diuntukkan untuk dijadikan padang permainan, tempat rihat ini menjadi hutan rimba, penuh lopak-lopak, jadi sarang nyamuk. Pihak penduduk-penduduk buat aduan kepada Kerajaan Tempatan: Harap ambil tindakan tolong bersihkan kawasan kami. Jawab pihak Kerajaan Tempatan: Kami belum menerima tanah ini. Tanah ini belum diserahkan titlenya kepada kami. Jadi pihak pemaju-pemaju mengatakan ini adalah tanggungjawab pihak Kerajaan Tempatan. Kerajaan Tempatan pula jawab ini kami belum menerima lagi penyerahan secara rasmi. Jadi yang paling teruk ialah orang yang berkaitan, penduduk-penduduk di rumah-rumah yang berkenaan. Tidak ada siapa yang hendak ambil tahu. Pihak Berkuasa Tempatan dengan pihak pemaju perumahan sentiasa pas bola pergi-balik, pergi-balik. Jadi, saya harap Kementerian yang berkenaan supaya mencari jalan menyegerakan proses pengambilan alih tanah-tanah kawasan lapang yang diikhaskan untuk padang permainan ini supaya penduduk-penduduk yang berkenaan ini dapat menjayakan maksud tanah-tanah tadi yang ditentukan.

Selain daripada padang-padang permainan ini jalan-jalan juga. Pihak pemaju-pemaju swasta ini lambat sangat hendak menyerahkan jalan-jalan ini kepada pihak J.K.R. untuk maintenance. Sudah berlokap jalan-jalan tadi atau sudah berlobang, pihak penduduk membuat rayuan, hantar kepada pihak yang berkenaan pun tidak dapat layanan daripada mana-mana pihak. Jadi, saya harap lagi sekali kepada Kementerian ini supaya mencari jalan menyegerakan

proses menyerahkan jalan-jalan atau taman-taman yang saya katakan tadi kepada pihak yang Berkuasa Tempatan.

Ada satu perkara dalam kepala yang sama yang saya hendak sentuh, yang akhir, Tuan Pengerusi, ialah rumah berhala. Di sini saya bukanlah bertujuan hendak menyentuh mana-mana agama. Sungguhpun beragama Islam itu dijadikan agama rasmi, tetapi kita memberikan kebebasan kepada orang-orang lain mengamalkan agama masing-masing. Saya hendak sentuh ini mengenai berhala yang dibina di tepi jalan. Orang-orang yang bukan Islam ini, orang Hindu atau orang-orang China biasanya barangkali bila jumpa satu busut mereka jadikan tok kong. Di tempat saya di kawasan Gelugor di hadapan Maktab Perguruan Malaysia ada sebuah tok kong, kemudian ramai orang-orang yang beragama Hindu ini pergi sembah dia. Tanah tok kong tadi ini duduk di atas reserve jalan. Jalan besar.

Tuan Pengerusi: Boleh jadi tempat tungguan minta nombor ekor.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ya. Kepada setengah orang mengatakan ada "ong", bila pergi minta nombor ekor selalu kena dan sebagainya. Jadi bukan setakat itu sahaja, Tuan Pengerusi, mereka buat rumah. Mula-mula dengan tiang-tiang kayu biasa sahaja, kemudian dibina simen. Tiap-tiap tahun ada pula perarakan. Ini menghalang lalulintas. Saya tidak bertujuan hendak menyekat orang-orang beragama lain buat berhala, tetapi biarlah berhala itu ditempatkan di tempat yang sesuai. Bukan di tepi jalan yang menghalang lalulintas dan sebagainya. Tiap-tiap tahun pihak Polis terpaksa mengadakan satu kawalan khas apabila hendak diarak tok kong besar ke tok kong yang baru ini. Jadi kalau bolehlah, Tuan Pengerusi, pihak Kementerian ini dapat mengambil tindakan dalam perkara-perkara ini; berjumpa dengan pihak berhala yang berkenaan supaya menasihatkan mereka ubah berhala itu ke tempat yang sesuai.

5.24 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Kepala Pembangunan P. 16 Pecahan-kepala 1, muka surat 99.

Tuan Pengerusi, sejak Kerajaan membatalkan pilihanraya kepada peringkat Bandaran dan juga Majlis Tempatan nampaknya pentadbiran atau kewangan Bandaran dan Majlis Tempatan tidak memuaskan. Ini saya rasa oleh sebab dalam Bandaran dan Majlis Tempatan sejak tidak ada pilihanraya dan pemimpin-pemimpin yang dihormati yang dipilih oleh rakyat, sebab itu sehingga hari ini kita boleh nampak di mana-mana Bandaran dan juga Local Council pentadbiran dan kewangan mereka tidak memuaskan.

Yang sebenarnya, pada pendapat saya, saya boleh kata pentadbiran Bandaran atau Local Council adalah bertambah buruk apabila pilihanraya ini telah dibatalkan.

Tuan Pengerusi, satu sebabnya ialah oleh kerana Kerajaan memilih Councillors yang tidak layak untuk jawatan ini. Kerajaan pilih mereka dari segi politik sahaja dan tidak pilih mereka yang ada experience dalam jawatan ini. Sebab itu kita boleh tengok pentadbiran ini tidak sesuai dan tidak baik.

Tuan Pengerusi, dalam peruntukan kepada pemberian untuk projek-projek di kawasan Bandaran dan Majlis Tempatan, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$290,000 untuk projek di kawasan Bandaran dan Majlis Tempatan. Pada pendapat saya peruntukan ini sangat kecil dan tidak mencukupi untuk mengatasi masalah-masalah atau kewangan-kewangan yang dihadapi di kawasan Bandaran dan Majlis Tempatan. Saya harap Kerajaan memberikan peruntukan yang banyak kepada Bandaran dan Majlis Tempatan yang keadaannya sekarang tidak baik supaya masalah mereka dapat diatasi.

Tuan Pengerusi, saya suka bawa satu perkara di kawasan saya di kawasan Majlis Tempatan Serdang Baharu. Sejak Kerajaan take over Majlis Tempatan ini Kerajaan telah pilih beberapa Councillors untuk menjalankan tugas di Majlis Tempatan Serdang Baharu. Nampaknya perlantikan jawatan ini tidak sesuai oleh kerana semua Councillors itu ialah terdiri daripada pihak parti pemerintah. Oleh sebab itu rakyat di Serdang Baharu tidak puas hati ke atas pemilihan itu dan juga semua Councillors ini apabila beliau telah dilantik menjadi Councillors sangat sombong dan tidak hormat kepada rakyat Serdang Baharu. Mereka buat apa-apa

yang mereka suka sahaja dan tidak ikut undang-undang langsung. Saya boleh beri satu contoh. Baru-baru ini Majlis Tempatan di Serdang Baharu menaikkan Cukai Pintu lebih kurang 200%. Mereka tidak memberi notis kepada rakyat dan tidak *gazette* untuk menaikkan cukai ini. Sungguhpun banyak penduduk-penduduk di Serdang Baharu ada membuat rayuan supaya dibatalkan tindakan ini tetapi langsung tidak mendapat jawapan dari Majlis Tempatan atau dari orang yang bertanggungjawab. Saya mendapat tahu ada seramai 400 penduduk di Serdang Baharu telah hantar petition kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Selangor menyeru beliau menimbangkan kenaikan cukai pintu ini, sebab kita semua tahu penduduk-penduduk di Serdang Baharu bukanlah orang-orang kaya. Kalau Kerajaan terus menerus menaikkan cukai 200% ini adalah menjadi kesusahan kepada penduduk-penduduk di situ. Saya harap Kerajaan Pusat dapat ambil campurtangan dalam perkara itu, menyasiat apa sebab Majlis Tempatan Petaling atau Serdang Baharu menaikkan cukai pintu dengan tidak memberi notis kepada penduduk-penduduk di situ.

Tuan Pengerusi, dalam perkara pembangunan ini juga saya suka menyatakan bahawa Kerajaan akan membuat sebuah pasar baru di Ipoh dan wang sebanyak \$1.5 juta telah diperuntukkan kepada projek itu. Dalam perkara pasar baru, saya suka menyatakan iaitu pihak Kerajaan sebelum menjalankan projek pasar baru patutlah menyasiat keadaan tempat yang akan dibuat pasar baru untuk dua tingkat yang sesuai kepada penduduk-penduduk tempatan itu. Nampaknya Kerajaan ada projek membina pasar baru dua tingkat di mana-mana tempat yang akan diadakan pasar baru, seperti Seremban, Petaling Jaya dan saya dapat tahu juga Kerajaan akan membina sebuah pasar baru di Serdang Baharu iaitu dua tingkat. Pada pendapat saya kalau dalam satu tempat kawasan yang kecil, patutlah Kerajaan jangan membuang wang dengan banyak untuk membina pasar baru dua tingkat. Ini tidak sesuai untuk pengguna-pengguna dan juga untuk peniaga-peniaga kecil. Kalau dapat lot kedai di tingkat dua, perniagaannya tidak baik dan akan rugi. Sebagai contohnya di Petaling Jaya, Klang dan Kuantan. Dalam pasar baru itu kalau peniaga yang dapat lot kedai di tingkat dua, perniagaan mereka tidak baik dan akan rugi.

Saya harap Kerajaan dapat siasat keadaan tempat itu dahulu sebelum menjalankan satu projek pasar baru dua tingkat.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh dalam Perkhidmatan Bomba, Kepala B. 18 muka surat 106.

Tuan Pengerusi, di kawasan saya, baru-baru ini ada berlaku dua kebakaran yang besar di Serdang Baharu dan Petaling Jaya. Nampaknya Perkhidmatan Bomba ada menjalankan kerja dengan baik juga dalam dua incident itu, tetapi malangnya saya dapat tahu apabila pihak Bomba sampai ke tempat kebakaran itu, tidak ada cukup pressure air. Inilah yang boleh menjadikan suatu kesalahan pihak Kerajaan atau pihak Bomba. Apakah sebabnya tidak ada air? Adakah Perkhidmatan Bomba sudah berhubung dengan J.K.R. atau pihak yang berkenaan. Jika pihak Bomba dapat satu panggilan talipon dari penduduk-penduduk, patutlah pihak Bomba berhubung dengan pihak yang berkenaan seperti J.K.R. supaya tempat itu dapat bekalan air untuk memadamkan kebakaran. Kebakaran di Serdang Baharu oleh sebab kurang air menyebabkan beribu-ribu ringgit dan harta benda telah musnah. Dan juga saya nampak apabila Bomba sampai ke tempat kebakaran itu, mereka tidak mahu kerjasama atau tidak mahu pertolongan daripada penduduk-penduduk tempatan. Sungguhpun penduduk-penduduk tempatan mahu menolong pihak Bomba, tetapi mereka tidak mahu terima kerjasama dari penduduk-penduduk.

Tuan Pengerusi, pihak Bomba boleh dikatakan seperti suatu pasukan tentera yang mana Kerajaan memberi makan kepada mereka seribu hari, tetapi kalau kita hendak menggunakannya satu hari, patutlah perkhidmatannya begitu baik dan efficient. Saya cadangkan pihak Bomba mesti dilengkapi dengan alat-alat moden dan diberi mereka latihan tetap dan juga dinaikkan gaji kakitangan Bomba dengan secukup-cukupnya.

5.37 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai peruntukan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang

berkenaan sebentar tadi. Saya suka bercakap mengenai dengan Kepala P. 18, Pecahan-kepala 11 hingga 22. Sebagaimana yang telah diperkatakan oleh rakan saya dari Telok Anson tadi bahawa dalam pembangunan bandar, Kementerian ini telahpun membuat peruntukan untuk dua bandaraya dan tiga majlis perbandaran. Apa yang saya hendak sentuh di sini ialah mengenai dengan kedudukan Majlis Bandaran Johor Bahru yang saya dapat tahu akan dinaikkan tarafnya kepada Majlis Perbandaran pada 1hb Januari, 1977, sedangkan tidak ada peruntukkan dalam peruntukkan Kementerian ini pada tahun yang akan datang.

Tuan Pengerusi, memandangkan bahawa Johor Bahru adalah menjadi pintu masuk ke Semenanjung Malaysia ini terutama dari Singapura, sedangkan Kerajaan Negeri sendiri telah mengeluarkan perbelanjaan yang begitu besar untuk membangunkan bandar yang akan menjadi perbandaran pada tahun hadapan yang mana saya nampak Pembangunan pesat sedang berjalan, lebih-lebih lagi kalau kita pandang di seberang Selat Tebrau, bangunan-bangunan pencakar langit telahpun didirikan, sekiranya bandar Johor Bahru tidak diambil perhatian, kita takut bandar Johor Bahru akan ketinggalan daripada bandar di seberang Selat Tebrau tadi.

Tuan Pengerusi, mengenai Kepala P. 16, Pecahan-kepala 1, muka surat 99 mengenai Pemberian untuk Projek-projek Kawasan Bandar dan Majlis Tempatan. Sebagaimana yang kita tahu banyak majlis-majlis Bandaran dan juga Majlis Tempatan yang telah disusun semula terutamanya seperti dalam negeri Johor ada enam Majlis Daerah yang dahulunya daripada majlis-majlis Bandaran dan Majlis Tempatan dan kita tahu sebahagian besarnya mengapa perubahan ini dijalankan terutamanya dari segi ketidak-mampuan setengah-setengah Majlis Tempatan dari segi kewangan. Setengah-setengah pelancaran Majlis-majlis Daerah ini telah dihadiri sendiri oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Rakyat menunggu perubahan itu. Tetapi tentulah perubahan-perubahan ini tidak dapat dijalankan sekiranya untukan-peruntukan tidak diberi kepada Majlis-majlis Daerah itu selain daripada peruntukan Kerajaan Negeri adalah juga peruntukan daripada Kerajaan Pusat.

Saya sedar bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menerangkan iaitu ada dua buah Jawatankuasa, satu daripadanya Jawatankuasa yang akan menimbangkan mengenai dengan pembahagian wang negara. Walaupun demikian, sementara hendak menunggu keputusan Jawatankuasa ini, saya rasa perlu juga kalau kita timbangkan wang pendahuluan untuk digunakan atau diberikan kepada Majlis-majlis Daerah sebagaimana yang telah disuarakan dalam masa pelancaran Majlis-majlis Daerah yang saya katakan tadi. Banyak Majlis-majlis Tempatan atau Bandaran yang baru yang patut kita segerakan, misalnya Pekan Air Itam. Pekan Air Itam ini, satu pekan yang menjadi persimpangan daripada utara ke selatan, timur dan barat yang selalu disinggahi oleh pelawat-pelawat luar. Saya dapat tahu Kerajaan Negeri telahpun menyusun satu pelan induk tetapi perlu juga mendapat bantuan daripada Kerajaan Persekutuan. Saya suka juga menarik perhatian mengenai garis-garis kasar perlantikan Ahli-ahli Majlis Daerah ini walau n di bawah kuasa Kerajaan Negeri, tetapi saya percaya Kementerian ini bolehlah bersama-sama menengokkan perkara ini supaya tidak timbul perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Tuan Pengerusi, saya suka bercakap berkenaan dengan Kepala P. 16, Pecahan-kepala 11 hingga 22 mengenai Bandaraya Kuala Lumpur. Saya bersetuju dengan rakan saya tadi iaitu supaya pelan induk yang baru patut dirangka untuk bandar Kuala Lumpur dan saya harap pelan yang akan dirangka ini hendaklah melambangkan mengenai beberapa aspek terutamanya struktur berbagai-bagai keturunan yang ada di Kuala Lumpur mengenai pembangunan dan sebagainya dan kalau boleh pelawat-pelawat luar yang datang ke Kuala Lumpur ini yang tak sempat hendak menjelajah seluruh Malaysia, maka dengan memandang di Kuala Lumpur ini adalah melambangkan struktur seluruh negara kita. Saya suka hendak bercakap sedikit mengenai Majlis Bandaraya Kuala Lumpur mengenai kesesakan jalan. Sepuluh tahun yang lalu kalau seorang kawan kita datang tengok kesesakan terutamanya di bulatan-bulatan seperti di Bulatan Jalan Maxwell, Bulatan Jalan Raja Muda yang terlampau sangat sesak boleh dikatakan setiap masa kadang-kadang sampai pukul 10.00 malam. Saya

sedar pihak Majlis Bandaraya telah menyusun satu projek untuk membetulkan keadaan ini, tetapi untuk menunggu projek itu, saya percaya akan memakan masa yang lama juga, patutlah langkah-langkah jangka pendek diambil. Misalnya, kita gantikan bulatan itu dengan lampu isyarat yang saya rasa tidak memerlukan belanja yang banyak. Ini tentulah dapat mengelakan kadar kesesakan ini yang saya katakan tadi semenjak sepuluh tahun yang lalu, mungkin lebih, keadaan tidak berubah sehinggalah pada hari ini.

Mengenai dengan Pusara Negara, patut telah lama kita adakan khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur terutamanya untuk meletakkan pusara ataupun jenazah orang-orang yang berjasa kepada negara selain daripada Duli Yang Maha Mulia Rajaraja ataupun kerabat-kerabat di raja yang ada makam sendiri. Begitu juga Makam Pahlawan yang khusus kepada pemimpin-pemimpin negara. Dalam hal ini, saya suka mencadangkan kalau perlu mereka yang telah kembali terlebih dahulu yang berjasa kepada negara, kita pindahkan jenazahnya jika sekiranya tidak menyalahi daripada ajaran Islam dan mendapat kebenaran daripada keluarga mereka. Tujuannya kalau pelawat-pelawat luar datang, mereka dapat menengok mereka yang telah berjasa dan tiap-tiap kubur kita tuliskan riwayat hidup mereka samada mereka yang telah meninggal pada beberapa masa yang lalu seperti dalam peperangan dunia yang kedua, Allahyarham Leftenen Yazid misalnya, ataupun Mat Kilau dan lain-lain lagi untuk menjadi kenang-kenangan kepada jenerasi yang akan datang. Demikian juga, kalau perlu kita adakan juga Pusara Negara ini di tiap negeri dan dinamakan Pusara Negeri kerana di tiap-tiap negeri juga ada mereka yang berjasa. Selain dari yang saya katakan tadi keluarga di raja ada makam masing-masing dengan taraf kedudukan raja-raja, tetapi selain daripada itu patut juga kita abadikan.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 17 Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3) Bahagian Perancangan Luar Bandar yang saya dapat tahu menjadi matlamat Kementerian ini bagi langkah pertamanya berkenaan dengan perancangan FELDA. Apa yang saya suka hendak sarankan di sini memandangkan begitu ramai rakyat yang berkehendakkan

rancangan ini yang setengahnya menunggu beberapa lama dan memandangkan tanah kita tidak bertambah, jadi saya suka mencadangkan supaya dikurangkan, katalah maksimumnya lapan ekar sahaja dan pada masa yang lalu 10 ekar, 12 ekar dan ada yang 14 ekar. Dengan cara ini kita dapat memberi banyak peluang kepada rakyat untuk menyertai rancangan FELDA ini.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, Kepala P. 18—Perkhidmatan Bomba. Saya tak bersetuju pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja kerana Jawatankuasa Penyiasat yang ada ini, saya rasa telah menjalankan tugasnya dengan sempurna. Cuma yang kita kehendaki supaya laporan itu dapat disegerakan. Ini mustahak. Tujuannya ialah untuk memberitahu kepada rakyat apakah yang sebenarnya yang menyebabkan kebakaran ini tak dapat hendak dicegah kerana kita tahu kebakaran itu bermula, kalau tidak salah saya daripada tingkat dua makan berjam-jam, berhari-hari hinggalah keseluruh bangunan Campbell Shopping Complex. Ini kita tak tahu di mana kelemahannya ataupun dari segi persediaan mencegah kebakaran dan sebagainya. Kalau laporan ini tidak disegerakan, saya bimbang rakyat nanti kurang percaya kepada kita terutamanya apabila Perbadanan Kemajuan Negeri dan Bandaraya hendak mendirikan flats yang berbelas-belas tingkat di mana hendak didiami oleh rakyat, apa lagi setengah-setengah rakyat terus terang saya katakan, tidak begitu selesa duduk di flats ini. Jadi kalau tidak dapat ditentukan kedudukan ini, mereka tidak begitu ghairah untuk tinggal di flats berpuluh-puluh tingkat sebagaimana yang saya katakan tadi. Laporan penyiasat itu hendaklah segera dibentangkan atau dikemukakan. Dengan itu saya percaya akan dapat menghilangkan segala keraguan rakyat berkenaan dengan perkara yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menyarankan bahawa di waktu akhir-akhir ini banyak berlaku kebakaran seperti di Kota Bharu dan sebagainya. Saya rasa patutlah jabatan atau pihak bomba selain daripada persediaan kelengkapannya hendaklah diperelokkan, saya rasa elok kita adakan kempen-kempen untuk mencegah kebakaran terutama di tempat sesak dan seperti kata pepatah: Prevention is better than cure, ertinya kita menahan penyakit itu lebih baik

dan lebih mudah daripada kita mengubat penyakit yang telah mengenai kita. Begitu juga saya rasa kita bersedia mengelakkan kebakaran itu lebih mudah daripada kita memadamkan kebakaran. Api sebagaimana kita tahu: kecil jadi kawan, sudah besar jadi lawan—boleh merosakkan atau membinasakan apa juga. Jadi dengan adanya kempen-kempen seperti ini yang saya tahu giat dijalankan pada masa yang lalu, saya rasa patut kita jalankan untuk tujuan ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa untuk memberi peluang kepada rakan saya dari Kangar, maka saya dengan penuh hati menyokong peruntukan ini dan saya harap akan dapat memberikan kebahagiaan dan kebajikan kepada rakyat seluruhnya.

Tuan Pengerusi: Baguslah bertimbang rasa begitu. Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan saya harap boleh tamatkan ucapan pada pukul 6.00 dan selepas itu saya akan minta Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan.

5.52 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, bercakap berkenaan dengan B. 16, Pecahan-kepala 1100—Bahagian Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, saya tidak menyokong sebagaimana yang dikatakan oleh wakil dari Petaling tadi yang mana Ahli-ahli Majlis Bandaran Tempatan tidak berjalan dengan betul. Walau macam mana pun, Rang Undang-undang Majlis Tempatan telah diluluskan dan kalau tidak silap saya, Menteri-nya ialah Menteri Teknologi yang dipegang oleh Kementerian yang lain. Saya berpendapat patutlah apa yang kita luluskan Rang Undang-undang Majlis Tempatan itu kita laksanakan dengan segera. Saya telah berjumpa dengan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah dalam Dewan ini mengenai hal tersebut. Banyak Ahli-ahli Tempatan yang lama—saya tidak kata tidak baik, tetapi sebaik-baiknya manusia ini patut kita alih-alihkan walaupun orang itu juga, tetapi biar ada selepas tiga tahun, selepas lima tahun, dan bila terlampau lama, ia akan menjadi satu kerumitan pula. Saya berharap apa yang telah kita putuskan itu, kita laksanakan dengan seberapa segera yang boleh.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, dalam Pecahan-kepala yang sama mengenai Pegawai Perancang Bandar. Saya berpendapat patutlah tiap-tiap Pegawai Perancang Bandaran itu atau tempatan diadakan. Kalaulah Majlis-majlis Bandaran yang kewangannya tipis, haraplah mendapat bantuan yang istimewa daripada Kerajaan Pusat, khususnya negeri Perlis, satu negeri yang serba kekurangan, kecil pula kewangannya.

Yang ketiga, saya berpendapat patut juga diheri kursus kepada pegawai dan kakitangan sepertimana kita beri kursus kepada pegawai Perkhidmatan Awam di INTAN.

Yang keempat, saya berasa amat dukacita yang mana Majlis Bandaran Kangar hari ini patutlah diasingkan daripada Arau. Kerana kalau kita hendak pergi ke Arau sebelum sampai ke Arau, ada ditulis: Majlis Bandaran Kangar, walhal tempat yang hendak kita tuju itu di Arau, jadi sudah sampai masanya agak saya yang di Kangar dahulu kita ambil Arau, Kuala Perlis dijadikan satu Majlis Bandaran, patutlah hari ini diasingkan, apatah lagi penduduknya bertambah banyak. Boleh jadi di masa lampau hendak dijadikan satu Majlis Bandaran tidak bersesuaian kerana tidak ada penduduk, tetapi memandang keadaan kedudukan hari ini patutlah diubahsuaikan dengan keadaan.

Begitu juga saya bersetuju dengan pendapat kawan-kawan saya tadi tentang bantuan-bantuan patutlah diberi seberapa yang boleh dan saya berharap supaya bertimbang rasa kepada setengah kakitangan ataupun penduduk-penduduk yang ada dalam Majlis Tempatan khasnya Majlis Bandaran. Kadang-kadang orang yang susah, kalau saya hendak kata kalimah "tindih" ini haruslah perkara yang tidak baik, barangkali ada setengah tempat tidak boleh ditambah bangunan, tetapi ada kadang-kadang keadaan orang itu istimewa sedikit, boleh ditambah pula. Perkara ini saya yakin Menteri yang berkenaan bersetuju dengan pendapat saya bahawa beliau tidak mahu ada perkara yang semacam ini. Kalau ada pegawai-pegawai yang semacam ini, diharap dapat diambil tindakan yang sewajarnya.

Kepala B. 17, mengenai Pembahagian Perancangan Kawasan Bandar, muka surat 103, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2). Agak saya eloklah kita kira daripada bandar sampai ke desa sesudah Menteri yang berkenaan memegang keadaan yang tersebut,

selain daripada kita ada Wilayah Persekutuan, Majlis Bandaran, Majlis Tempatan apa yang dimaksudkan di sini mengadakan kawasan pecahan kawasan, saya berpendapat kalau di atas sahaja elok, di bawah tidak elok, tentulah tidak begitu sesuai, baik apa sekali pun. Ini saya berpendapat selain daripada Majlis Wilayah di bandaraya Kuala Lumpur, patut di desa juga kita adakan Majlis kawasan tempatan. Saya syorkan kita adakan tiap-tiap satu kawasan Pilihan Raya Negeri satu Majlis Kawasan Tempatan. Patut kita adakan supaya dapatlah kerjasama daripada penduduk-penduduk desa yang kita maksudkan supaya mereka boleh beri pendapat dan sebagainya. Saya cadangkan juga selain daripada Pengerusinya hendaklah terdiri Wakil Rakyat Negeri, Penghulu (Penggawa) Setiausaha ataupun Datuk Bandar bagi kawasan yang berkenaan, Datuk Desa bagi Pegawai-pegawai kawasan dan Pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan, seperti Pegawai Taliair, Pegawai Pertanian, Pengurus L.P.P. dan sebagainya. Dan Jawatankuasa-jawatankuasanya hendaklah dilantik terdiri daripada tiap-tiap qariah yang ada masjid. Misalnya dalam kawasan saya Kangar, sekarang ada enam kawasan Pilihan Raya Negeri dia ada 47 masjid, ada setengah kawasan sembilan masjid, ada setengah lapan, ada setengah enam, mengikut kawasan yang berkenaan. Jadi ambil satu-satu qariah, satu Jawatankuasa Majlis qariah bersama dan diberi elaun kadar yang berpatutan. Misalnya elaun sekali mesyuarat \$5 dan diberi elaun tahunan sebagaimana ketua kawasan yang ada diberi setahun \$180 dan sebagainya dan dibuat cara pilihan raya ataupun dipilih oleh pihak anak qariah itu masing-masing. Dengan sebab itu, saya percaya ia akan mendapat kerjasama yang baik dan mendapat kejayaan daripada Majlis Tempatan.

Dan saya berharap juga Jawatankuasa inilah yang akan membuat rancangan untuk kebaikan kampung sebagaimana saya masih ingat masa RIDA dahulu dibuat satu Jawatankuasa Pembangunan Kampung. Kampung-kampung yang ada Jawatankuasa beroleh kemajuan. Kadang-kadang saya tengok amat bersih, amat cerah. Mereka berpakat antara satu dengan lain. Ini patut dibuat. Kalau kita hendak bangunkan wilayah sahaja, manakala di kampung tidak disusun begini, saya rasa ianya tidak begitu memuaskan hati. Saya berharap Kementerian yang berkenaan

boleh menjalankan rancangan ini daripada atas, iaitu daripada bandar sampai ke desa untuk mendapat kerjasama daripada tiap-tiap pihak.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kereta bomba. Saya juga bersetuju dengan kawankawan saya tadi mengenai keadaan sekarang patutlah ditinjau. Tentang air sebagaimana yang dikatakan oleh Wakil Petaling tadi, saya berpendapat sepatutnya pegawai-pegawai bomba waktu tidak ada kebakaran, meninjau keadaan sekitarnya. Misalnya, cari dan tengoklah dahulu di mana ada kolam air selain daripada air yang dia hendak bawa, jadi bila sudah ada isyarat maka, di kala itulah hendak cari air, ini menjadi satu kerumitan. Jadi biarlah dalam kepala mereka kalau hendak pergi satu kampung: di situ ada telaga air, di situ ada kolam air, mereka sudah tahu tuju waktu yang tidak ada kebakaran. Janganlah dalam masa kebakaran pula mereka hendak pergi. Jangan masa itu juga kita hendak buat tidak sempat.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, Kepala B. 21 Pecahan-kepala 1100—Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya ucapkan terima kasih kepada Pasukan Perkhidmatan Awam yang kita tahu kalau ada banjir, kalau ada kebakaran terutamanya banjir, pasukan inilah yang kerap kali kita gunakan menolong kita di masa banjir. Elaun kepada mereka ini setahu saya daripada awal dahulu sampai hari ini tidak pernah dinaikkan, baikpun elaun cara berlatih, elaun batu dan sebagainya, samada kepada pegawai-pegawai ataupun kepada ahli perkhidmatan awam biasa. Saya sendiri biasa nampak dengan mata kepala saya sendiri bila ada berlaku banjir misalnya, di Perlis, kebanyakan pegawai-pegawai yang berkenaanlah yang mengambil bahagian sekadar yang boleh. Walaupun orang yang berkenaan ada elaun tetapi patutlah kita timbang semula dan patutlah juga kita beri latihan yang cukup kepada mereka ini untuk menghadapi banjir dan sebagainya.

Mengenai pakaian-pakaian, latihan, alat-alatan patutlah kita timbang semula, janganlah seperti 10 tahun yang lepas kedudukan elaunnya tidak pernah naik, sampai ke hari inipun kedudukan elaun mereka tidak pernah

dimainkan. Di atas perkhidmatan mereka di masa kecemasan seperti banjir dan sebagainya kita mengucapkan terima kasih dan patut juga kita beri keistimewaan.

6.02 ptg.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada segala ulasan dan juga teguran yang telah dihadapkan kepada Kementerian saya baru sebentar tadi. Saya berjanji di sini bahawa segala syor daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian apa yang menasabah akan dikaji dengan lebih teliti lagi oleh Jabatan-jabatan dalam Kementerian saya supaya dapat dilaksanakan seberapa segera yang boleh. Kemudian daripada syor-syor itu dapatlah menambahkan lebih baik lagi pentadbiran-pentadbiran bukan sahaja di dalam Bandaraya Kuala Lumpur, tetapi juga dalam daerah-daerah Penguasa-penguasa Tempatan di seluruh negara kita.

Ada beberapa perkara yang saya rasa patut saya berikan penjelasan di sini iaitu banyak teguran-teguran telah dibuat mengenai Bandaraya Kuala Lumpur, mengenai Lapuran Jawatankuasa Mengkaji Kebakaran Campbell Shopping Complex dan juga tentang masalah kerumitan-kerumitan lalu-lintas yang kita alami bersama pada masa ini di sekitar Kuala Lumpur.

Mengenai kesesakan lalu-lintas di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur ini, suka-lah saya menyatakan bahawa Dewan Bandaraya telahpun mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini. Dewan Bandaraya pada masa ini sedang melaksanakan secara berperingkat-peringkat akan lapuran pakar perunding yang telah diambil atau dijemput sedikit masa dahulu untuk membuat syor-syor dan perakuan-perakuannya untuk mengatasi masalah-masalah lalu-lintas di Bandaraya Kuala Lumpur ini. Kerumitan-kerumitan yang timbul pada masa ini tidaklah dapat dielakkan dengan begitu mudah sahaja oleh kerana memandangkan kepadatan yang telah berkembang di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur, penghijrahan beramai-ramai orang-orang dari luar Kuala Lumpur ke Bandar Kuala Lumpur pada masa ini dan berbagai-bagai lagi masalah-masalah yang bersangkutan dengan lalu-lintas ini. Saya suka menyatakan di sini

bahawa pelaksanaan secara berperingkat-peringkat untuk mengatasi masalah lalu-lintas itu Dewan Bandaraya telahpun mengemukakan wang sebanyak \$70 juta, wang ini adalah pinjaman daripada Bank Dunia dan sebanyak \$60 juta adalah diuntukkan untuk melaksanakan syor-syor pakar perunding yang saya sebutkan tadi.

Di dalam syor-syor yang telah diperakukan untuk dilaksanakan bagi mengatasi masalah-masalah lalu-lintas di Bandaraya Kuala Lumpur ini termasuklah juga menghapuskan bulatan-bulatan yang tidak sesuai lagi, mengadakan lebih banyak lagi jalan-jalan sehalu, mengadakan ampu-lampu di simpang-simpang yang selalu berlaku kesesakan dan berbagai-bagai lagi. Tetapi sudah tentu ah pelaksanaan bagi mengatasi masalah lalu-lintas ini tidak akan dapat dilaksanakan secara sekelip mata ataupun dalam masa jangka pendek. Jadi inilah satu perkara yang orang ramai mesti fahami atas tujuan dan cita-cita Kerajaan terutamanya Dewan Bandaraya untuk mengatasi masalah ini.

Saya tidak akan menyebut tiap-tiap nama Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai kebakaran di Campbell Shopping Complex. Suka-lah saya menyatakan bahawa sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang ramai mengetahui bahawa sebuah Jawatankuasa untuk mengkaji punca-punca dan sebab-sebab juga untuk mencadangkan langkah-langkah bagi mencegah kebakaran-kebakaran yang seperti itu berlaku pada masa hadapan telah dilantik. Jawatankuasa ini juga telah menubuhkan berbagai-bagai Jawatankuasa Kecil menyiasat dari semua sudut, dari semua aspek yang melibatkan kebakaran ini. Oleh sebab kita berkehendakkan satu penyiasatan yang sungguh-sungguh mendalam, maka itulah sebabnya Jawatankuasa ini telah mengambil langkah yang cukup teliti. Saya suka menyatakan di sini bahawa Jawatankuasa ini telah mengadakan lebih daripada 17 kali mesyuarat bagi menyediakan laporannya. Pada masa ini lapuran Jawatankuasa ini di dalam kajian yang terakhir sebelum diemukakan kepada saya, dan setelah saya kaji dan timbangkan, saya akan mengemukakan lapuran ini kepada Kerajaan (Kabinet) untuk ditimbang dan juga untuk memperakukan syor-syor yang dibuat oleh Jawatankuasa ini.

Ada cadangan daripada seorang Ahli Yang Berhormat tadi yang mengatakan bahawa Kerajaan perlu mengadakan satu Suruhanjaya di Raja untuk mengkaji masalah ini. Saya hendak menyatakan di sini bahawa Kerajaan tidak merasa perlu mengadakan satu Suruhanjaya di Raja oleh kerana kebakaran itu tidak pun melibatkan nyawa yang terkorban kerana api itu sendiri.

Dalam memperkatakan masalah kebakaran ini, Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang ramai juga haruslah memikirkan bahawa untuk menyelamatkan kebakaran dan untuk mengelakkan api serta mengelakkan kerugian-kerugian yang lebih besar lagi berlaku di masa hadapan, bukanlah semata-mata dengan memperkatakan samada perkhidmatan bomba telah menjalankan tugasnya dengan cekap dan berkesan, tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah juga memikirkan bahawa ada perkara-perkara yang lebih mustahak daripada itu. Salah satu daripadanya ialah memastikan bahawa rekabentuk bangunan-bangunan yang mencakar langit itu memenuhi kehendak-kehendak teknik zaman moden ini untuk membolehkan perkhidmatan bomba itu menjalankan operasinya bila berlaku satu-satu kebakaran. Oleh sebab itulah Kementerian saya ataupun Kerajaan telah mengambil satu langkah yang positif apabila baru-baru ini Majlis Negara bagi Kerajaan-kerajaan Tempatan telah meluluskan suatu Undang-undang Kecil untuk mensekukan Undang-undang bangunan di seluruh negara. Kerajaan percaya bahawa sekiranya Undang-undang keseragaman bangunan-bangunan ini dapat dikuatkuasakan di seluruh daerah-daerah Penguasa Tempatan dalam negara kita nescaya kita boleh mengelakkan lebih banyak lagi kebakaran-kebakaran besar atau kerugian-kerugian yang besar.

Mengenai perkhidmatan bomba, saya juga suka menyatakan di sini bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang ramai juga perlu tahu bahawa bukanlah semua kebakaran yang berlaku di seluruh negara kita tidak dapat dicegah atau tidak dapat dilawan oleh pasukan perkhidmatan bomba kita. Pasukan perkhidmatan bomba kita sentiasa menerima banyak panggilan-panggilan untuk mencegah kebakaran ini pada setiap masa. Dalam daerah Wilayah Persekutuan sahaja dalam sepanjang tahun 1976, perkhidmatan bomba

kita telah menerima lebih daripada 700 panggilan untuk mencegah kebakaran. Ini saya mengetahui apabila saya sendiri mengunjungi balai-balai bomba di sekitar Bandaraya baru beberapa hari yang lalu dan saya hendak menyatakan di sini bahawa daripada sekian banyak panggilan-panggilan untuk mencegah kebakaran dalam Wilayah Persekutuan sahaja lebih daripada 50 kebakaran-kebakaran besar telah dapat dipadamkan, banyak nyawa telah dapat diselamatkan dan banyak harta-benda dapat diselamatkan. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga orang ramai patutlah tahu hal ini dan tidak semata-mata memandangkan dari segi adanya satu dua kebakaran, satu dua tragedi kebakaran yang barangkali tidak dapat dicegah sepenuhnya oleh perkhidmatan-perkhidmatan bomba kita.

Berkenaan dengan teguran seorang ahli tentang Akta Kawalan Sewa, 1966 saya suka menyatakan di sini, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum bahawa baru sahaja semalam saya telah melancarkan sebuah Jawatankuasa Khas untuk mengkaji Akta Kawalan Sewa, 1966 ini oleh kerana memangnya disadari bahawa ada banyak kepincangan-kepincangan yang disuarakan oleh orang ramai bukan sahaja oleh penyewa-penyewa tetapi juga oleh tuan-punya-tuan-punya bangunan dan Penguasa-penguasa Tempatan di mana rumah-rumah sewa banyak didapati. Untuk mengkaji semula kepincangan itu dan untuk mengadakan perakuan-perakuan untuk menyelesaikan masalah yang rumit itu, maka itulah sebuah jawatankuasa mengkaji Akta Kawalan Sewa itu telah ditubuhkan dan saya berharap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan dapat memberikan kerjasama yang sepenuhnya untuk memberikan sebarang maklumat, sebarang butir-butir dan sebarang fikiran mereka kepada Jawatankuasa ini menerusi Kementerian saya.

Berkenaan dengan satu teguran mengenai pelan untuk Bandaraya ini saya suka menyatakan di sini iaitu memandangkan peri mustahaknya satu pelan induk yang lain untuk memberi peluang yang lebih baik lagi kepada Kuala Lumpur ini bagi dibangunkan sebagai satu pusat bandar, sebagai Bandaraya dalam negara kita pada masa yang akan datang, maka usaha-usaha untuk menyediakan pelan induk yang baru bagi Kuala Lumpur mestilah dilaksanakan dengan sokongan yang penuh daripada badan-badan

dan ejensi-ejensi berkenaan dan juga kepakaran teknik dan juga sumber kewangan yang utama untuk menjalankan kajian-kajian sosio-ekonomi di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur ini dan kesulitan-kesulitan sebagaimana yang saya sebutkan tadi menyebabkan sedikit kelewatan bagi mengkaji semula pelan-pelan induk Kuala Lumpur yang baru itu. Kementerian saya telahpun membuat tindakan yang tegas untuk mendapatkan bantuan-bantuan teknik, bantuan-bantuan kewangan daripada punca-punca Bangsa-bangsa Bersatu dan perkara ini sentiasa diuruskan dengan licinnya dan adalah tidak benar dan tidak betul perdagangan mengalami kesusahan oleh kerana pelan-pelan ini.

Berkenaan dengan sungutan Ahli dari Kuala Lumpur Bandar mengenai pasar borong, maka saya suka menyatakan di sini bahawa pasar borong yang ada sekarang ini di Jalan Tun Ismail telah didapati begitu sesak dan tempatnya juga dianggap telah tidak sesuai lagi bagi lalulintas dan perancangan bandar kita pada masa yang akan datang dan oleh kerana itulah Dewan Bandaraya bercadang hendak memindahkan pasar-pasar itu ke tempat yang lain dan oleh kerana itulah rancangan sedang dibuat dan diatur untuk membina dua buah pasar borong yang baru, sebuah di utara dan sebuah di selatan bandar.

Mengenai sungutan berkenaan dengan soal banjir yang sering berlaku dan menyusahkan penduduk-penduduk di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur ini, saya suka menegaskan di sini bahawa Kerajaan telahpun menubuhkan Pasukan-pasukan Petugas Mencegah Banjir, ini telahpun ditubuhkan oleh Dewan Bandaraya untuk sentiasa mengawasi kerja-kerja membersihkan longkang-longkang dan parit-parit daripada tersumbat dan terhalang perjalanannya dan setiap kali berlaku hujan lebat maka Pasukan Petugas untuk mengawasi perkara banjir ini sentiasa menjalankan kerja-kerjanya dan operasi-operasinya dengan secepat mungkin.

Selain daripada itu sukalah juga saya menceritakan tentang teguran-teguran mengenai dengan adanya beberapa perkara yang tidak lancar yang berjalan di sekitar Wilayah Persekutuan ini. Saya suka hendak menyatakan di sini bahawa Kerajaan akan mengambil langkah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyelarasan Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur ini terdiri wakil-wakil daripada Kementerian-kementerian yang terlibat dalam kerja-kerja pembangunan, kerja-kerja pembersihan, kerja-kerja yang melibatkan juga kesihatan di sekitar Wilayah ini. Saya berharap bahawa Jawatankuasa Penyelarasan Wilayah Persekutuan ini akan dapat dilancarkan pada awal bulan Disember yang akan datang ini. Saya percaya dengan adanya Jawatankuasa Penyelarasan ini kelak, maka satu ko-ordinasi yang lebih cekap, yang lebih sempurna akan dapat dilaksanakan daripada semasa ke semasa untuk mengatasi setiap masalah samada yang berupa halangan lalu-lintas ataupun juga dalam masalah-masalah yang lain yang berlaku di sekitar Kuala Lumpur ini akan dapat diselesaikan dengan serta-merta dan dengan cara-cara yang lebih berkesan.

Berkenaan dengan teguran Ahli dari Teluk Anson tentang pelan induk bagi bandar itu dan juga syor-syor daripada beberapa ahli yang lain, saya suka menyatakan di sini bahawa penyediaan pelan induk adalah dibekalkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Dcsa, 1976 yang membekalkan faktor-faktor sosial dan ekonomi untuk diperimbangkan dan oleh itu akan lebih sesuai sebagai pelan pembangunan bagi pusat-pusat bandar. Dari segi teknikalnya penyediaan pelan induk seperti Teluk Anson dan bandar-bandar yang lain mestilah juga diperimbangkan dari segi perkembangan Wilayah yang mana ianya adalah diutamakan jika dibandingkan dengan pelan induk yang menimbangkan dari segi bandar sahaja. Saya adalah difahamkan yang Kerajaan Perak sendiri sedang menimbangkan perkara ini dengan seriusnya. Planning brief bagi pelan induk bandar Teluk Anson ini adalah termasuk di dalam program. Tujuan brief ini ialah untuk memandu Kerajaan Negeri yang berkenaan bagi tindakan yang patut diambil bagi penyediaan pelan induk ini.

Tuan Pengerusi, ada juga tadi teguran-teguran telah dikemukakan mengenai penggunaan Bahasa Malaysia di papan-papan iklan perniagaan di bandaraya Kuala Lumpur dan juga di bandar-bandar yang lain. Saya suka menyentuh di sini bahawa pihak Kerajaan, khususnya Kementerian saya sentiasa akan mengadakan hubungan rapat dan kerjasama dengan dewan-dewan perniagaan meminta kerjasama dan sokongan mereka bagi melaksanakan penggunaan

Bahasa Kebangsaan ini di papan-papan iklan dan juga di papan-papan tanda Kerajaan.

Saya sedar bahawa pada masa-masa yang akhir ini ada amalan-amalan yang barangkali menjolok mata pencinta-pencinta Bahasa Kebangsaan kita di mana penggunaan Bahasa Kebangsaan di papan-papan iklan dan di papan-papan tanda telah begitu merosot dan memperlihatkan keadaan-keadaan yang menjadikan Bahasa Kebangsaan itu seolah-olah bahasa yang tidak diutamakan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tahu bahawa sehingga ini kita belum mempunyai suatu akta untuk memaksa mereka yang berkenaan mengutamakan penggunaan Bahasa Kebangsaan ini di papan-papan iklan, tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedia maklum dan orang ramai juga sedia maklum bahawa Bahasa Kebangsaan kita adalah Bahasa Rasmi negara dan dia mesti dan wajib diletakkan di tempat-tempat yang utama supaya tidak kelihatan menjolok mata. Untuk mengatasi langkah-langkah ini, saya suka menyatakan bahawa saya akan mengarahkan Majlis Bandaraya dan juga Penguasa-penguasa Tempatan di seluruh negara supaya menubuhkan pasukan petugas untuk memastikan bahawa Bahasa Kebangsaan ini diberikan tempat yang utama pada papan-papan iklan, pada papan-papan tanda dan juga iklan-iklan seluruhnya. Saya berharap seluruh Penguasa-penguasa Tempatan di seluruh negara akan mengambil langkah-langkah bagi melaksanakan arahan ini kelak apabila disampaikan kepada mereka.

Selain daripada itu, ada juga sungutan-sungutan berkenaan dengan ketidak wajaran ataupun kurang sempurna perjalanan-perjalanan di setengah-setengah Penguasa-penguasa Tempatan di berbagai-bagai tempat di negara kita. Saya suka menyatakan di sini bahawa orang ramai harus memberikan kerjasama yang serapat-rapatnya kepada ahli-ahli penasihat Penguasa-penguasa Tempatan yang telah dilantik dan ahli-ahli penasihat tempatan ini mestilah juga memainkan peranan yang lebih dinamis, lebih cergas dan lebih effective untuk mengawasi, memastikan bahawa hasrat orang ramai mengenai kemajuan dan juga kebersihan bandar-bandar mereka supaya dapat dilaksanakan.

Seorang Ahli Yang Berhormat tadi telah menegur bahawa ada kemungkinan perjalanan-jalan-jalan yang barangkali di setengah-setengah Penguasa Tempatan itu tidak memuaskan hati oleh sebab ahli-ahlinya tidak dipilih oleh orang ramai. Saya suka menyatakan bahawa masalah ini ialah suatu masalah yang dikaji secara mendalam oleh sebuah Suruhanjaya Di Raja yang dipengerusikan oleh Mendiang Datuk Athi Nahappan yang mana telah menyarankan bahawa peraturan melantik ahli-ahli bagi Majlis-majlis Penasihat Penguasa-penguasa Tempatan ini haruslah dikaji semula dan pendapat ataupun syor-syor daripada Suruhanjaya Di Raja ini adalah berdasarkan apa yang telah mereka tinjau daripada pendapat-pendapat orang ramai. Kita telah mendapat pengalaman-pengalaman yang boleh menjadi pelajaran kepada kita bersama tentang bagaimana se sebuah Penguasa Tempatan ataupun Perbandaran yang ahli-ahlinya terdiri daripada ahli-ahli yang dipilih oleh orang ramai, apabila kita mengingat semula kepincangan-kepincangan yang telah dialami pada suatu masa dahulu yang dialami oleh Majlis Perbandaran Melaka dan juga Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Kita berharap bahawa dengan percubaan yang kita jalankan pada masa ini dengan kerjasama orang ramai dan juga dengan kecergasan-kecergasan ahli-ahli yang dilantik untuk menjadi ahli-ahli penasihat Lembaga Penguasa Kerajaan Tempatan ini kita berharap bahawa seluruh kawasan-kawasan Penguasa Tempatan kita akan berjalan dengan baiknya.

Mengenai teguran daripada seorang Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan bahan-bahan yang bersejarah dari luar negeri, saya suka menyatakan di sini bahawa bahan-bahan bersejarah yang berada di luar negeri sedang giat diusahakan untuk diperolehi oleh Arkib Negara. Usaha ini telah berjalan sejak tahun 1963 hingga sekarang. Bahan-bahan di dalam bentuk micro film dan salinan photo-zerox diperolehi dari England, Holland, Portugal, Jepun, India, Sri Lanka, Indonesia dan juga lain-lain negeri.

Adapun mengenai rekod-rekod dan dokumentasi-dokumentasi mengenai kemerdekaan dan juga penyucian wilayah ini saya suka menyatakan di sini bahawa rekod-rekod itu ada di dalam simpanan Arkib Negara kita.

Tuan Pengerusi, mengenai cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kangar mengenai susunan semula Majlis Bandaran Kangar dan Arau, saya sukacita menyatakan di sini bahawa saya sendiri akan melakukan lawatan rasmi pada hari Isnin hadapan ini ke negeri Perlis untuk mengkaji masalah-masalah yang tersebut.

Tuan Pengerusi, ada satu ulasan daripada seorang lagi Ahli Yang Berhormat supaya Dewan Bandaraya mengadakan juga surau-surau dan masjid-masjid di kawasan perumahan yang dibangunkan oleh Dewan Bandaraya. Saya suka menyatakan di sini bahawa di beberapa kompleks perumahan memang tempat itu diadakan, bahkan ada bilek-bilek disediakan khususnya untuk orang-orang Islam melakukan ibadat sembahyang. Walau bagaimanapun, harus juga difikirkan bahawa di setengah-setengah tempat bahawa kawasan-kawasan masjid memang ada berhampiran dengan kompleks-kompleks perumahan itu.

Tuan Pengerusi, lain-lain teguran dan juga lain-lain pandangan yang telah dihadapkan pada Kementerian ini, saya boleh janjikan di sini bahawa Kementeraian saya akan mengkajinya tiap-tiap satu persatu dan manamana yang menasabah akan dilaksanakan dan saya memohon supaya Anggaran Kementeriaian ini diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,033,900 untuk Kepala B. 16, \$1,409,000 untuk Kepala B. 17, \$9,494,100 untuk Kepala B. 18, \$2,718,800 untuk Kepala B. 19, \$16,465,000 untuk Kepala B. 20 dan \$1,130,700 untuk Kepala

B. 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$22,310,060 untuk Kepala P. 16, \$6,000,000 untuk Kepala P. 18, \$2,400,030 untuk Kepala P. 19 dan \$3,393,000 untuk Kepala P. 20 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1977.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah hari yang kelima daripada masa yang diuntukkan untuk bersidang dalam Jawatankuasa yang berjumlah 16 hari. Kita ada 22 Kementerian, baru selesai 4 Kementerian. Jadi, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua belum lagi hendak menetapkan berapa lama diuntukkan bagi satu Kementerian, tetapi mulai minggu depan akan diperhatikan perjalanannya supaya tidak begitu lambat. Kalau tidak tentulah tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah ini dalam masa yang ditentukan.

Mengikut Peraturan Mesyuarat kita tidak membenarkan lebih daripada 16 hari, termasuk jawapan Yang Berhormat Menteri yang diberikan di dalam perbincangan Anggaran Perbelanjaan Kementeriannya.

Saya harap mulai minggu hadapan dapat Ahli-ahli Yang Berhormat semua memberikan ucapan-ucapan dengan mengikut isi-isi supaya dapat dijimatkan waktu sedikit.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 22hb November, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.